



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI ABDUL AZIZ DAN MUHAMMAD IMANUDDIN  
SETIAUSAHA DAN IMAM SATU MASJID ULUL ALBAB

OLEH:

NURUL HUSNA BINTI CHE YAHYA	2022868406
WAN NURSYAFIKA BINTI WAN MOHD HARIS	2022851168

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
HAJI ABDUL AZIZ DAN MUHAMMAD IMANUDDIN  
SETIAUSAHA DAN IMAM SATU MASJID ULUL ALBAB

OLEH:

NURUL HUSNA BINTI CHE YAHYA	2022868406
WAN NURSYAFIKA BINTI WAN MOHD HARIS	2022851168

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (OKT 2024 – FEB 2025)

# **PENGHARGAAN**

## **PENGHARGAAN**

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, yang dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, tugas ini berjaya disempurnakan dengan baik. Tanpa rahmat dan petunjuk dari-Nya, usaha ini tidak mungkin dapat direalisasikan dengan jayanya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Puan Ts. Nurulannisa Binti Abdullah, pensyarah bagi subjek Oral Documentation (IMR604) di Universiti Teknologi Mara, Machang Cawangan Kelantan, selaku pembimbing kami, atas segala tunjuk ajar, panduan, dan dorongan sepanjang proses penyediaan dokumen ini. Keikhlasan dan kesabaran beliau dalam berkongsi ilmu sangat dihargai, menjadikan tugas ini satu pengalaman yang amat bermakna.

Seterusnya, setinggi-tinggi penghormatan dan terima kasih kepada Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan yang sudi meluangkan masa untuk berkongsi pengalaman dan pandangan beliau mengenai peranan dan pentadbiran Masjid Ulul Albab. Pengetahuan dan kisah beliau memberikan inspirasi serta menjadi pelengkap kepada dokumentasi ini.

Selain itu, penghargaan kepada Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat atas kerjasama yang diberikan dalam berkongsi sejarah seni bina dan maklumat penting berkaitan Masjid Ulul Albab. Kesudian beliau untuk terlibat dan memberikan maklumat secara terperinci amatlah dihargai.

Akhir sekali, ribuan terima kasih kepada rakan setugas, Nurul Husna Binti Che Yahya dan Wan Nursyafika Binti Wan Mohd Haris, atas semangat kerjasama, dedikasi, dan sokongan padu sepanjang penyediaan projek ini. Usaha gigih kalian telah menyumbang kepada kelancaran dan kejayaan tugas ini.

Semoga usaha ini memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dan dirahmati oleh Allah SWT.

Sekian, Terima kasih.

# **ABSTRAK**

# **ABSTRAK**

**Abstrak:** Temu bual ini telah dijalankan bersama setiausaha dan imam satu Masjid Ulul Albab untuk mendalami peranan dan tanggungjawab mereka dalam menguruskan hal ehwal masjid dan mengatur aktiviti yang berkaitan dengan jemaah dan komuniti. Temu bual bersama Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan iaitu setiausaha Masjid Ulul Albab telah dijalankan di perkarangan masjid pada 11 Disember 2024 pada pukul 10 pagi. Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab sejak tahun 2007 sebagai ahli jawatankuasa dan dinaikkan pangkat sebagai setiausaha masjid pada tahun 2010. Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan berkongsi pengalaman serta cabarannya dalam menguruskan kewangan, pentadbiran, dan pelbagai program komuniti, selain memastikan keharmonian masjid tanpa campur tangan politik. Seterusnya, temu bual bersama Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat iaitu imam satu Masjid Ulul Albab telah dijalankan di perkarangan masjid pada tarikh 15 Disember 2024 pada pukul 6 petang. Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab pada tahun 2017 sebagai imam satu masjid. Sebagai seorang imam di Masjid Ulul Albab, Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat bertangungjawab dalam memastikan pentadbiran masjid berjalan sejajar dengan syariat Islam sambil mengetengahkan keunikan seni bina masjid yang dikenali sebagai "masjid tanpa paku".

**Kata kunci:** setiausaha, imam, masjid tanpa paku, sistem tanggam, hal ehwal masjid

# ABSTRACT

**Abstract:** This interview was conducted with the secretary and the first imam of Masjid Ulul Albab to gain deeper insights into their roles and responsibilities in managing the mosque's affairs and organizing activities related to the congregation and community. The interview with Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan, the secretary of Masjid Ulul Albab, was conducted in the mosque's courtyard on December 11, 2024, at 10 AM. Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan has been serving Masjid Ulul Albab since 2007 as a committee member and was promoted to the position of secretary in 2010. He shared his experiences and challenges in managing finances, administration, and various community programs while ensuring the harmony of the mosque without political interference. Subsequently, the interview with Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat, the first imam of Masjid Ulul Albab, was conducted in the mosque's courtyard on December 15, 2024, at 6 PM. Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat has been serving as the first imam of Masjid Ulul Albab since 2017. As an imam, he is responsible for ensuring that the administration of the mosque aligns with Islamic principles while also highlighting the uniqueness of the mosque's architecture, which is known as the "nail-free mosque".

**Keywords:** secretary, imam, nail-free mosque, tanggam system, mosque affairs

# **ISI KANDUNGAN**

# **ISI KANDUNGAN**

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA</b>
	<b>SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Isi Kandungan.....	iv
Biodata Penemu Bual.....	vi
Biodata Tokoh.....	viii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Sesi 1	
Bahagian 1: Latar Belakang Tuan Haji Abdul Aziz.....	01
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Tuan Haji Abdul Aziz.....	02
Bahagian 3: Kejayaan Tuan Haji Abdul Aziz.....	05
Bahagian 4: Kejayaan Tuan Haji Abdul Aziz di Masjid.....	06
Bahagian 5: Pentadbiran Tuan Haji Abdul Aziz.....	10
Sesi 2	
Bahagian 1: Latar Belakang Tuan Muhammad Imanuddin.....	29
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan Tuan Muhammad Imanuddin.....	31
Bahagian 3: Latar Belakang Masjid Ulul Albab.....	33
Bahagian 4: Keunikan Masjid Ulul Albab.....	36

Bahagian 5: Pengurusan Masjid Ulul Albab.....	38
Bahagian 6: Program Dan Aktiviti Masjid Ulul Albab.....	42
Bahagian 7: Pengurusan Kewangan Dan Dana Masjid Ulul Albab.....	47
Bahagian 8: Harapan Dan Cabaran.....	51
Rujukan.....	55
Lampiran	
Log Wawancara.....	57
Diari Kajian.....	65
Senarai soalan.....	68
Surat Perjanjian.....	74
Gambar.....	76
Sijil penghargaan.....	77
Indeks.....	78

# **BIODATA TOKOH**

# **BIODATA TOKOH 1**



Nama : Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan

Nama samaran : Tuan Aziz

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Besut Terengganu

Alamat : Besut, Terengganu

No Telefon :

Profesjon : Setiausaha Masjid Ulul Albab

Bidang : Setiausaha Masjid Ulul Albab sejak tahun 2010 hingga kini.

## **BIODATA TOKOH 2**



Nama : Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat

Nama samaran : Tuan Imanuddin

Tarikh Lahir :

Tempat Lahir : Besut Terengganu

Alamat : Besut,  
Terengganu

No Telefon :

Profesjon : Imam satu Masjid Ulul Albab

Bidang : Imam satu Masjid Ulul Albab dari 2017 hingga kini.

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Transkrip ini merupakan hasil dokumentasi wawancara yang dijalankan bagi tujuan kajian oral berkaitan pengurusan dan pembangunan Masjid Ulul Albab, Seberang Jerteh. Kajian ini memberi tumpuan kepada dua tokoh utama yang memainkan peranan penting dalam pentadbiran dan perkembangan masjid tersebut, iaitu Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan dan Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat.

Sesi wawancara bersama Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan, yang merupakan Setiausaha Masjid Ulul Albab sejak tahun 2010, memberi pencerahan tentang peranan beliau dalam pentadbiran masjid, termasuk pengurusan kewangan, pelaksanaan aktiviti sosial, dan usaha memastikan masjid sentiasa bersih serta harmoni.

Selain itu, sesi wawancara bersama Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat, Imam satu Masjid Ulul Albab sejak tahun 2017, membincangkan aspek seni bina unik masjid yang dibina tanpa paku, peranan beliau dalam melaksanakan aktiviti keagamaan, serta usaha memperkuuh nilai-nilai Islam dalam komuniti.

Transkrip ini memberikan gambaran menyeluruh tentang pengurusan Masjid Ulul Albab, kejayaan tokoh-tokoh dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing, serta pentingnya masjid sebagai pusat komuniti yang berfungsi untuk memupuk perpaduan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

# **TRANSKRIP**

# **TRANSKRIP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut merupakan temubual bersama Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan mengenai pengurusan Masjid Ulul Albab pada tarikh 11 Disember 2024 bersamaan dengan hari Rabu pada pukul 10 pagi bertempat di Masjid Ulul Albab di Seberang Jerteh. Seterusnya, temubual mengenai latar belakang seni bina Masjid Ulul Albab bersama Imam Satu Masjid Ulul Albab iaitu Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat pada tarikh 15 Disember 2024 bersamaan dengan hari Ahad pada pukul 6 petang. Temubual ini dikendalikan oleh Nurul Husna dan Wan Nursyafika. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

THAA: Tuan Haji Abdul Aziz

TMI: Tuan Muhammad Imanuddin

WN: Wan Nursyafika

NH: Nurul Husna

## **SESI 1: TEMUBUAL BERSAMA TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

- WN : **Latar belakang tokoh, boleh ceritakan sedikit tentang diri, seperti nama penuh dan asal usul?**
- THAA : Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum warahmatullahi ta'ala wabarakatuh, Alhamdulillahi rabbil 'alamin, wasalatu wasalamu 'ala ashrafil anbiya'i wal mursalin, Sayyidina Muhamadin wa 'ala alihia wa sahibhi ajma'in. Yang saya muliakan ke kedua-dua adik daripada pelajar Universiti Teknologi Mara cawangan Machang, Kelantan. Nurul Husna Binti Che Yahya dan juga Wan Nursyafika Binti Wan Mohd Haris. Jadi yang pertamanya saya bagi pihak pengurusan Masjid Ulul Albab ingin merakamkan jutaan terima kasih lah kerana pihak universiti dan juga pelajar memilih masjid kami untuk dijadikan

bahan kajian ataupun sebagai kata orang kerja kursus daripada Universiti Teknologi Mara cawangan Machang, Kelantan. Jadi yang keduanya saya juga meminta maaf lah jika sekiranya temu bual saya pada pagi ini, kurang menepati lah apa yang diminta oleh pihak pelajar-pelajar. Nama penuh Haji Abdul Aziz Bin Hassan. Asal usul saya daripada Besut, Terengganu lah.

WN : **Berapa orang anak Tuan?**

THAA : Anak saya semuanya yang belum kahwin lagi yang belum kahwin lagi yang lain semua dah ada keluarga lah, berkeluarga.

WN : **Apakah nama anak-anak Tuan?**  
THAA :

TAMAT BAHAGIAN 1

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

WN : **Seterusnya kita pergi ke sejarah pendidikan tokoh. Di manakah Tuan memulakan pendidikan awal, seperti di sekolah rendah?**

THAA : Saya bersekolah rendah di Sekolah Kebangsaan Kampung La Besut, Terengganu, Hulu Besut lah. Kemudian sekolah menengah saya di Sekolah Menengah Nasiruddin Shah Besut, Terengganu

Alor Lintang. Dan kemudian saya tingkatan 1 [satu] sampai tingkatan 3 [tiga] Sekolah Nasiruddin Shah. Kemudian tingkatan 4 [empat], tingkatan 5 [lima] di Sekolah Menengah Seri Nering Jerteh Besut, Terengganu.

- WN : **Bolehkah Tuan ceritakan pengalaman atau pencapaian istimewa Tuan semasa sekolah menengah?**
- THAA : Saya alhamdulilah semasa sekolah menengah semasa saya tingkatan 4 [empat] sampai tingkatan 5 [lima]. Saya merupakan johan pidato lah daerah Besut. Johan pidato daerah Besut dan juga saya mewakili Besut ke peringkat negeri Terengganu dan Terengganu boleh nombor 4 [empat] lah peringkat negeri Terengganu pidato lah. Kemudian saya juga masuk juga pidato bahagian mentafsir Al-Quran dan saya dapat nombor 2 [dua] lah peringkat daerah Besut. Itu lah, itu pencapaian saya.
- WN : **Dimanakah Tuan melanjutkan pengajian di peringkat universiti?**
- THAA : Universiti tak masuk lah, saya setakat STP [Sijil Tinggi Persekolahan] saja lah, setakat STP [Sijil Tinggi Persekolahan] sahaja. Universiti tak masuk. Tak sempat nak masuk sebab keluarga miskinkan masa itu.

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

- WN : **Untuk kejayaan tokoh. Apakah pekerjaan Tuan?**
- THAA : Saya dulu bekerja sebagai seorang kakitangan *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah]. *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] bermula di daerah Kuala Terengganu. Kemudian di daerah Besut. Kemudian saya bertugas di kawasan Kuala Berang dan juga Marang yang saya berakhir di *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] jajahan Machang, Kelantan. Selama 37 [tiga puluh lima] tahun bersamaan.
- WN : **Dimanakah Tuan bekerja?**
- THAA : Bekerja dulu kerja di *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] lah. *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] bahagian small holder [pemegang kecil] kebun-kebun *kecik* [kecil] getah. Selama 37 [tiga puluh tujuh] tahun lah. Dan saya tamat perkhidmatan iaitu bersara pada dua kosong sembilan belas. Yang terakhirnya pejabat *RISDA* [Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah] jajahan Machang.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ DI MASJID**

- WN : **Untuk kejayaan tokoh di masjid. Apakah jawatan Tuan di Masjid Ulul Albab?**
- THAA : Saya bermula 2007, bermula dengan ahli jawatankuasa biasa lah. Ahli jawatankuasa biasa. Kemudian pada dua ribu, dua ribu sepuluh saya dilantik sebagai setiausaha Masjid Ulul Albab iaitu masjid masjid *lamo* [lama] ini masjid *lamo* [lama] dulu masjid batu dulu tepi jalan *rayo* [raya] ini simpang empat ini. Sampai ke hari ini lah, sampai ke hari ini. 2010 sampai ke 2024 ini sudah 14 [empat belas] tahun lah. Nampak lah saya sebagai setiausaha masjid ini.
- WN : **Bilakah Tuan mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab?**
- THAA : 2007 lah tahun 2007 saya mula dilantik lah. Yang memilih saya ini ialah ahli jawatankuasa masjid sendiri yang mana mencadangkan pada waktu itu untuk saya sebagai ahli jawatankuasa biasa je lah. Kemudian tahun 2010 itu baru lantik sebagai ahli - - sebagai setiausaha masjid.
- WN : **Siapakah yang melantik Tuan sebagai setiausaha?**
- THAA : Setiausaha ini adalah pilihan, pilihan daripada ahli jawatankuasa Masjid Ulul Albab yang seramai masa itu dua belas orang. Jadi mereka bersepakat melantik saya sebagai s/u [setiausaha] kerana s/u [setiausaha] lama dia kena naik pangkat sebagai pengetua Sekolah Menengah Wataniah, Alor Keladi. Sekolah Menengah Agama Wataniah, Alor Keladi, jadi dia tak ada kesempatan masa untuk nak tumpu kepada masjid ini maka ahli jawatankuasa telah apa ini, telah bermesyuarat dan melantik saya sebagai setiausaha baru lah menggantikan setiausaha lama. Bermula tahun 2010.

- WN : **Seterusnya, bagaimanakah Tuan mula terlibat dengan kerjaya di Masjid Ulul Albab?**
- THAA : Bila saya diberi amanah untuk kata orang sebagai setiausaha masjid itu lah kita kena bergabung tenaga lah dengan pengurus. Dengan setiausaha dan juga pihak ahli jawatankuasa dan pihak jemaah. Satu lagi yang saya cuba membuat satu perkara yang baru lah di masjid ini yang mana kita kena ada hubungan dengan masyarakat sekitar dengan NGO [Badan Bukan Kerajaan] dan juga dengan jabatan-jabatan supaya program kita ini melibatkan semua pihak, yang kita melibatkan kariah masjid sahaja tetapi kita tidak melibatkan golongan belia, kanak-kanak dan sebagainya. Mualaf dan sebagainya. Sepatutnya kita kena dampingi mereka supaya masjid kita ini menjadi harmoni dan menjadi tempat sumber rujukan semua, semua pihak semua apa ini peringkat umur.
- WN : **Seterusnya, apakah tugas utama Tuan sebagai Setiausaha Masjid Ulul Albab?**
- THAA : Terima kasih. Sebenarnya tugas s/u [setiausaha] ini memang agak mencabar juga lah sebab untuk makluman adik-adik kami ini di masjid ini lantikan jawatankuasa ini dia merupakan satu NGO [Badan Bukan Kerajaan] yang bukan jabatan, bukan kerajaan. NGO [Badan Bukan Kerajaan] yang tanpa gaji kerana yang kita bekerja ini secara ikhlas. Kerana orang kata, orang jenis sukarela tanpa ada bayaran imbuhan dan sebagainya. Tetapi tanggungjawab kita memang mencabar kerana kita nak memastikan keadaan masjid kita ini yang pertamanya dari segi penglibatan jemaah kita mesti lah kata orang meningkat di masa ke semasa yang kedua tahap kebersihan masjid pun kita kena jaga. Hubungan antara jemaah-jemaah pun kita kena jaga dan persekitaran pun kita kena jaga lah.

Jadi kita jaga juga isu-isu yang berkaitan dengan 3R [Reduce, Reuse dan Recycle] dan sebagainya pun kena jaga dekat masjid kita ini, supaya benda itu terkawal lah. Itu saja.

- WN : **Apakah perubahan atau penambahbaikan yang telah Tuan laksanakan sejak mula berkhidmat?**
- THAA : Terima kasih juga kepada adik-adik. Sebenarnya bila saya dilantik ini sebab kita kena - - kita tahu di Terengganu ini dia pentadbiran kerajaan negeri ini dia *berubah* [berubah], setiap kali pilihan raya dia perubahan. Dulu, waktu saya dulu mula-mula pegang jawatan sebagai *s/u* [setiausaha] dulu di bawah pentadbiran negeri Terengganu ialah di bawah kerajaan Barisan Nasional. Kemudian bila tahun 2012, 2024 itu hari sudah berubah kepada kerajaan negeri ini di bawah kepimpinan kerajaan PAS [Persatuan Islam Se-Tanah Melayu] yang *PAS* [Persatuan Islam Se-Tanah Melayu]. Tapi walaubagaimanapun, alhamdunillah pada waktu itu saya cuba nak menarik diri lah daripada menjadi setiausaha kerana kita nak bagi peluang kepada mereka-mereka yang ada ilmu sedikit yang muda-muda sebab saya dah berumur dah 60 [enam puluh] lebih *doh* [dah] ini. Jadi saya nak bagi peluang lah, saya nak muda lagi macam hormat tetapi pengerusi baru lah, pengerusi baru, pengerusi lama dah berhenti naik pengerusi baru tetapi jawatan setiausaha ini dia nak kekalkan saya ini, walaupun orang lama dia nak kekal jugok [juga]. Jadi saya pun fikir dua kali lah, sebab ini hak masjid rumah Allah kan kalau kita tak jaga siapa dia lagi nak jaga. Lagipun kita pun dengan kakitangan dengan kerajaan kita dah bersara dan kita pun tak ada kerja lain dah. Jadi saya pun mengambil keputusan teruskan juga sebagai setiausaha di sini dan kami bersepakat apa-apa program kita buat disini bukan keputusan saya. Keputusan bersama. Kita di sini kita ada dipanggil AJK [Ahli Jawatankuasa] pengurusan. AJK [Ahli Jawatankuasa] pengurusan ini termasuk

pengerusi, setiausaha, bendahari dan pengerusi JPKK [Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung] penghulu lah *tok ngulu* [tok penghulu] kawasan ini. Jadi kami berempat ini dan juga bendahari. Lima pengerusi, timbalan pengerusi, setiausaha, bendahari, pengerusi JPKK [Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung]. JPKK [Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung] ini penghulu. Jadi 5 [lima] ini kami anggap dia sebagai AJK [Ahli Jawatankuasa] pengurusan, apa-apa keputusan yang kita nak buat dekat masjid ini mesti kena kata sepakat, antara lima-lima AJK [Ahli Jawatankuasa] pengurusan tadi. Bukan kata saya *s/u* [setiausaha] saya kata orang menggunakan kuasa beto sebagainya tak boleh. Walapun pengerusi pun tak *bulih* [boleh] menggunakan kuasa pengerusi untuk nak buat keputusan secara dia *sorang* [seorang] tak *bulih* [boleh]. Kita kena buat cara pakatan, cara ramai ramai lah itu supaya tidak timbul sebarang masalah. Cuma satu saja lah yang kita disini, kita tidak mencampur adukkan politik dalam masjid. Kalau kita pegang jawatan apa pun di masjid - - di luar sana kita sampai bila masuk masjid ini kita tidak ada tunjukkan kita ini sokong ini sokong ini dengan harapan kita supaya, kita punya suasana di masjid ini harmoni dan tidak ada kata orang *dok* [tak] benda-benda yang tak bagus berlaku di sini. Okey lagi.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENTADBIRAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

- WN : Seterusnya kita pergi ke pentadbiran tokoh di masjid.
- THAA : Ya, saya.
- WN : **Bagaimanakah Tuan memastikan semua aktiviti masjid berjalan lancar?**
- THAA : Okey terima kasih. Untuk makluman lah sebab kita ini pengurus masjid ini nama dia nya Haji Muhammad Rosli Bin Mustafa. Dia bekas guru dulu, guru mengajar di Pasir Putih. Dia pun dah pencer. Dia pun lebih berusia lagi daripada saya lah. Dia umur dia dah 66 [enam puluh enam] tahun sekarang ini. Dia orang Kelantan, orang Melur. Tapi dia kahwin dengan orang sini lah. Dia ini memang sibuk lah sebab dia jawatan dengan kerajaan negeri pun dia ada pegang *jugok* [juga] 2 [dua] 3 [tiga] *jugok* [juga] jawatan *jugok* [juga] dia pegang. Tetapi saya cuba kata orang *take over* [mengambil alih] lah dia punya tugas-tugas sebahagian, tugas-tugas itu saya *take over* [mengambil alih]. Yang mana kami telah merangka untuk program ini di masjid ini satu tahun program. Contoh kata kuliah maghrib, setiap malam ada kuliah maghrib masjid kita ini, setiap malam ada apa kuliah dan setiap pengkuliah itu kita bagi imbuhan 100 [Ringgit Malaysia seratus] sekali *mari* [datang] sini lah bagi kuliah. Kalau *beloh* [sebelah] Kelantan, Kota Bharu kalau datang sini kita jemput kita bagi 200 [Ringgit Malaysia dua ratus]. Daripada Kuala Terengganu boleh datang sini kita bagi 200 [Ringgit Malaysia dua ratus] dan kita sentiasa bertukar-tukar lah pengkuliah-pengkuliah ini supaya ada sedikit penambahan ilmu kepada kariah-kariah kita ataupun jemaah-jemaah masjid kita. Begitu juga dengan program-program lain kita susun atur bermula daripada Januari sampai lah Disember. Kita ada 1 [satu] jadual khas lah untuk 1 [satu] tahun itu. Kita tengok juga kita buat, kita ambil jadual ini kita tengok kalender Islam dengan kalender *hok* [yang] biasa ini kita cuba bandingkan lah tengok. Kalau ada kalender Islam ini ada hari-hari utama. Contohnya Maulidur Rasul, Maal Hijrah, Israk Mikraj dan

sebagainya itu kita bagi keutamaan lah sebab kita masjid kan. Kita mengadakan bual bicara, larian forum perdana dan sebagai aktiviti lagi lah. Begitu juga dengan program gotong-royong, gotong-royong ini kita buat 2 [dua] bulan sekali kita akan buat gotong-royong untuk nak menceriakan kawasan suasana masjid walaupun kita ada pekerja khas yang kita lantik yang kita bayar imbuhan pekerja kita. Contoh kata lah untuk bahagian sedut karpet dan bersih kawasan *atah* [atas] ini kita satu orang kita kena kita bagi pekerja. Kita bagi gaji dia 600 [Ringgit Malaysia enam ratus]. Manakala untuk menjaga *landscape* [pemandangan] sekitar ini kita bagi seorang pekerja gaji, gaji 800 [Ringgit Malaysia lapan ratus]. Begitu juga tandas, tandas ada 2 [dua] tandas wanita dengan tandas lelaki. Tandas wanita, dia kena jaga *sorang* [seorang] kita bagi gaji 400 [Ringgit Malaysia empat ratus]. Gajian tandas lelaki, kita gaji *sorang* [seorang] gaji 400 [Ringgit Malaysia empat ratus]. Ni 800 [Ringgit Malaysia lapan ratus] lah untuk 400 [Ringgit Malaysia empat ratus], 400 [Ringgit Malaysia empat ratus] *atah* [atas] 600 [Ringgit Malaysia enam ratus] *hok* [kat] *bawoh* [bawah] ini dalam *landscape* [pemandangan] dan *semuo* [semua] sekali ini 800 [Ringgit Malaysia lapan ratus]. Walaubagaimanapun, kita juga buat gotong-royong ini untuk kata orang, pilih-pilih mana-mana yang perlu lagi untuk kita buat penuh baikkan lagi lah.

- WN : **Seterusnya, bagaimakah Tuan menguruskan kewangan masjid?**
- THAA : Terima kasih. Dalam akaun kita, kita akaun kita *buko* [buka] dulu kita *buko* [buka] 2 [dua] *buoh* [buah] bank lah. Yang pertama Bank Islam cawangan Jerteh dan juga Bank [berfikir] Maybank cawangan Jerteh. Tetapi kita buat masa sekarang kita sudah ada satu akaun sahaja iaitu Maybank cawangan Jerteh dan Bank Islam ini kita dah tutup akaun ini ada 1 [satu] saja sekarang ini. Dan penandatangan

biasanya 3 [tiga] orang lah pengerusi, setiausaha, bendahari. Cumanya kami sini mengenakan 1 [satu] syarat lah, yang mana tandatangan pengerusi itu adalah wajib manakala setiausaha dan juga bendahari ini salah *sorang* [seorang]. 2 [dua] penandatangan sudah memadai tetapi pengerusi adalah wajib. Tetapi jika sekiranya amaun ataupun nilai itu melebihi daripada 3 *ribu* [Ringgit Malaysia tiga ribu], satu keping cek mesti kena 3 [tiga] orang tandatangan, tak *bulih* [boleh] 2 [dua] orang. Kalau antara 1000 [Ringgit Malaysia Seribu] 100 [Ringgit Malaysia Seribu] ke 2999 *ringgit* [Ringgit Malaysia dua ribu sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu] untuk 2 [dua] orang sudah memadai. Tetapi bila jumlah amaun melebihi daripada 3 *ribu* [Ringgit Malaysia tiga ribu] bermula 3 *ribu* [Ringgit Malaysia tiga ribu] ke atas mesti kena 3 [tiga] orang penandatangan. Ini kita buat ini bukan apa, untuk sebagai *security* [keselamatan] kita lah menjaga supaya tidak berlaku apa-apa penyelewengan lah, untuk menggunakan duit masjid ini. Sebab kita kena *ingak* [ingat] sebab duit masjid ini duit sumbangan orang ramai, tabungan orang ramai yang menyumbangkan kepada masjid. Setiap sen kita belanja disini, kita bertanggungjawab sampai ke akhirat *besok* [esok] dan kita tahu di akhirat *besok* [esok] memang disoal lah, apakah *you* [awak] guna betul tak betul ini. Kalau kita menyeleweng kita akan bertanggungjawab sampai *besok* [esok]. Walaupun tugas ini adalah tugas sebagai suka hati sukarela tidak bergaji tetapi bila diberi amanah kita kena pegang amanah kena kerja betul-betul lah. Dan untuk makluman adik, pencapaian masjid kita lah (berfikir) 2 [dua] tahun berturut-turut tahun 2022 dan 2023, masjid kita masjid yang terbaik bahagian pengurusan, peringkat daerah Besut. 2 [Dua] tahun berturut-turut, *dio* [dia] *buak* [buat] pemilihan Maal Hijrah. Maal Hijrah ini buat pemilihan kan. Di segi pengurusan masjid kita terbaik dan kita juga, tandas kita itu kita mendapat penerapan 4 [empat] bintang. Kita belum lagi 5 [lima] bintang baru 4 [empat] bintang. Bila pihak jawatankuasa datang melawat daripada pejabat kesihatan, daripada pejabat agama datang melihat, membuat dia punya *ranking* [kedudukan] kitanya

kita dapat 4 [empat] bintang saja dan kita berhasrat untuk buat penambahbaikan lagi tandas kita supaya tandas kita dapat 5 [lima] bintang tapi *payoh* [susah] sikit lah. Kalau biasanya *RNR* [Rehat dan Rawat] dapat 5 [lima] bintang. Walaubagaimanapun kita cuba perbaiki yang mana sekarang ini kita pakai *lapu* [lampu] dia panggil apa dia?, bila kita masuk dia menyalo [menyalal] sendiri, dia panggil apa itu?

- NH : Sensor.
- THAA : Ada sensor, ada sensor, sekarang ini kita keluar *lapu* [lampu] dia *mapuh* [tertutup] bila kita masuk automatik *lapu* [lampu] itu *menyalo* [menyalal]. Dan kita cuba penambahbaikan lagi masukkan *bungo* [bunga] dan sebagainya dan buat baru ini kita dah habis dah 10 ribu [Ringgit Malaysia sepuluh ribu] lah, 5 ribu [Ringgit Malaysia lima ribu] *beloh* [belah] tandas perempuan, 5 ribu [Ringgit Malaysia lima ribu] tandas lelaki. Ada dengan pasu *bungo* [bunga] ada dengan *kusi* [kerusi] *tepak* [tempat] duduk dan sebagainya. Dan untuk makluman adik juga masjid kita ini masjid, masjid ini baru-baru ini kita terpilih *buak* [buat] dia punya program, dia panggil hari terbuka masjid. Hari terbuka masjid ni kita *joint venture* [usaha sama] dengan Islamic Tourism Malaysia. Islamic Tourism Malaysia ini ialah pelancongan Islam se-Malaysia. Pusat pelancongan Islam se-Malaysia di Kuala Lumpur yang mana dia pilih seluruh Malaysia ini 6 [enam] buah saja masjid dia pilih. Dia bagi peruntukan 4500 [Ringgit Malaysia empat ribu lima ratus] untuk dia anjurkan hari terbuka masjid. Antara-antara masjid yang terpilihnya masjid, Masjid Besi di Putrajaya, Masjid Negara, Masjid di Salahuddin apa di Selangor, Masjid Sendayan di apa nama ini Negeri Sembilan, Masjid Sultan Azlan Shah apa di Ipoh dan Masjid Ulul Albab di Terengganu. Dan 6 [enam] ini daripada seluruh Malaysia. Jadi kita rasa bangga juga lah. Walaupun seluruh Malaysia ini banyak masjid *dok* [kan] tetapi dia pilih, satu-satunya masjid kita ini untuk masuk dalam program Tourism Malaysia ini di bawah Islamic Tourism Malaysia. Dan bila kita buat hari terbuka ini sambutan yang amat

menggalakkan lah. Semua jabatan-jabatan kita jemput semua sekali dan semua yang ada apa ini kata orang, nak *highlight* [sorotan] dia punya produk-produk keluaran makanan pun kita jemput untuk hadir sama-sama di sini. Dan pihak pengurusan Islamic Tourism Malaysia bercadang untuk *nok* [nak] masukkan nama masjid ini pada tahun-tahun yang akan datang. Bererti dia puas hati lah dari segi sambutan dan sebagainya. Lagi kita melaksanakan juga pengisian daripada program hari terbuka itu kita mengadakan pertandingan melukis, mewarna bagi kanak-kanak tadika. Tadika *KEMAS* [Jabatan Kemajuan Masyarakat] dan juga tadika *PASTI* [Pusat Asuhan Tunas Islam]. Dan juga, kita menjemput kanak-kanak daripada sekolah rendah, sekolah tadika dan sekolah menengah pertandingan azan, buat dalam bilik ini lah dan mendapat penyertaan yang begitu hebat sekali lah. Jadi program-program semua itu memang disukai lah di beri perhatian yang amat serius lah oleh pihak penganjur dan beliau bercadang untuk nak pilih sekali lagi lah masjid ini untuk di masuk dalam kalender dia untuk tahun akan datang. Dan juga (berdehem) kami juga mendapat kunjungan daripada boleh katakan seluruh Malaysia datang nak melawat kat sini. Kami juga mendapat kunjungan daripada Universiti Malaya, Cina, India, Khadasan, daripada Indonesia *jugok* [juga] ada *jugok* [juga] datang sini lah. Pelajar-pelajar daripada Universiti Malaya, daripada *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam. *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] Shah Alam datang *jugok* [juga] kesini dengan pensyarah-pensyarah *dio* [dia] daripada Universiti Sains Malaysia pun ada juga datang sini. Universiti Sains, rasa saya *sebuoh* [sebuah] bas datang sini. Dan dua tiga orang pensyarah. Itu pun yang yang saya *raso* [rasa] seronoknya daripada Universiti Malaya itu dia kata biasanya masjid ini dia tidak benar orang bukan Islam masuk ke masjid tapi kita sini kita *open* [buka]. Kita tidak jadi seperti dulu-dulu lah. Dulu kalau kita dengar orang-orang bukan Islam, *non-muslim* [bukan islam] untuk nak masuk masjid kita rasa tak *bulih* [boleh]. Dia ini seolah macam najis macam tak bersih tetapi kita dah *beruboh* [berubah] sekarang

ini. Kita ubah *non-muslim* [bukan islam] *bulih* [boleh] datang masjid kita nak melawat *bulih* [boleh] tetapi kena ikut kita punya *SOP* [Garis Panduan & Operasi Standard] kita lah. Pakaian dia kena menutup aurat. Tempat-tempat yang boleh dilawati tempat-tempat di tepi-tepi. Tak *bulih* [boleh] naik tempat kita solat apa semua, tak boleh lah. Kita ada peraturan kita. Jadi bila kita *open* [buka] macam itu dia rasa suka lah. Pelajar-pelajar daripada Universiti Malaya daripada Cina, India dan sebagainya dia rasa *happy* [seronok] dan dia *bulih* [boleh] tengok apa benda yang kita buat dalam masjid ini. Jadi kita terbuka jangan kita *nyunguk* [merungut] yang kita rasa kita ini tak suka kepada orang bukan Islam untuk datang ke masjid kita. Nanti lagi saya bagi balik. Ada lagi?

- WN : **Seterusnya, bagaimakah Tuan menyusun jadual aktiviti di masjid?**
- THAA : Okey, jadual aktiviti ini kita macam saya kata tadi lah. Kita mengadakan mesyuarat lah [berdehem] dan kita mengatur aktiviti ini mengikut *ranking-ranking* [kedudukan] yang tertentu lah. Sebenarnya kami juga di (berdehem) diberitahu ataupun diberi dia punya target oleh pejabat agama daerah Besut, yang mana 1 [satu] tahun paling kurang kena mengadakan mesyuarat ahli jawatankuasa 6 [enam] kali setahun. 6 [Enam] kali kena ada mesyuarat ahli jawatankuasa di peringkat masjid yang mana mesyuarat ini dapat kita buat tuntutan dalam hadir mesyuarat dengan pihak pejabat agama. Dan setakat ini kita dah pun selesai dah, pada bulan 10 [sepuluh] baru ini kita dah selesai dah 6 [enam] kali mesyuarat. 6 [Enam] kali mesyuarat di peringkat yang *SOP* [Garis Panduan & Operasi Standard] dia *nok* [nak] itu 6 [enam] kali kita selesai *settle* [selesai] *doh* [sudah]. Kita mencapai 100 [seratus] peratus *doh* [sudah]. Jangan lagi kita juga ada mengadakan mesyuarat khas. Mesyuarat khas ini mesyuarat bukan daripada mesyuarat utama lah mesyuarat khas. Jika sekiranya kita nak

mengadakan berbagai aktiviti maka kita mengadakan mesyuarat khas terlebih dahulu. Dan setakat hari ini kita telah mengadakan mesyuarat khas sebanyak 10 [sepuluh] kali dah mesyuarat khas. Bila kita *nok* [nak] mengadakan *joint venture* [usaha sama] dengan apa nama ini (berfikir) ASNB [Amanah Saham Nasional Berhad]. ASNB [Amanah Saham Nasional Berhad] *gapo* [apa] benda *dulu* (berfikir) insuran itu di Kuala Lumpur itu untuk *mengaca-mengaca* [mengacau-mengacau] bubur asyura kat sini. *Dio* [Dia] bagi duit *kito* [kita] sini 2 *ribu* [Ringgit Malaysia dua ribu], Duit 2 *ribu* [Ringgit Malaysia dua ribu] *suroh* [beritahu] *kito* [kita] *buak* [buat] bubur asyura dan bagi ke *sekita* [sekeliling] ini. Kita *buak* [buat] kacau bubur asyura sebanyak 5000 [lima ribu] (berfikir) 600 [enam ratus] *pack* [bungkus] 600 [enam ratus] *packing* [bungkusan] dan kita bagi kepada - - duduk di *jale* [jalan] itu *kito* [kita] *bagi* [beri]. *Keto* [kereta] lalu *bagi* [beri] tapi duit itu duit daripada ASNB [Amanah Saham Nasional Berhad]. *Dio* [Dia] panggil *gapo* [apa] *dio* [dia]? (berfikir) bahagian insuran lah. Bahagian insuran *dio* [dia] *bagi* [beri]. *Kito* [Kita] *joint venture* [usaha sama] dengan *dio* [dia] (berdehem). Untuk kata orang bagi kepada masyarakat *sekitar* [sekelling] ini. Jadi berertinya kita di sini kita, jadual untuk peringkat masjid kita dah *ado* [ada]. Peringkat dengan NGO [Badan Bukan Kerajaan] *pung* [pun] kita *ado* [ada]. Peringkat dengan jabatan kita *ado* [ada]. Dan sekarang ini kita *joint venture* [usaha sama] *pulok* [pula] dengan tabung haji daerah Besut. Kalau dulu kursus asas haji ini orang *nok* [nak] *gi* [pergi] *mekoh* [mekkah] ini. *Nok* [Mahu] menunaikan haji ni dia buat di Masjid Hadhari. Setiap *ari* [hari] sabtu *dio* [dia] *buak* [buat] di Masjid Hadhari. 13 [tiga belas] siri *dio* [dia] *buak* [buat]. *Buke* [Bukan] 13 [tiga belas] 17 [tujuh belas] siri. Tetapi mulai tahun ini, tempat ini masjid ini *pulok* [pula] dipilih. Untuk menjadikan tempat, *apo* [apa] nama ini kursus asas haji. Pada mereka-mereka yang ingin menunaikan haji, dia buat kat sini. Hari jumaat. 8.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi. Kalau *ari* [hari] sabtu dia buat masjid di Kampung *Rajo* [Raja] Masjid Nasaruddin Shah. Dan baru-baru ini juga, 27 [dua puluh tujuh] haribulan 11 [sebelas] baru ini tempat ini

jadikan pusat *PPS* [Pusat Pemindahan Sementara]. Pusat pemindahan sementara banjir untuk orang banjir lah. Seramai 300 [tiga ratus] orang pindah kat sini. Di *bawoh* [bawah] ini untuk golongan wanita *tido* [tidur]. Golongan atas *nuh* [sana] untuk golongan lelaki *tido* [tidur]. Dan kita kata orang terbuka lah dari segi *nok* [nak] buat apa-apa *pung* [pun] kita *joint venture* [usaha sama-sama] juga dengan pihak polis. Hari Polis peringkat daerah, Hari Guru peringkat daerah dia *buak* [buat] kat sini. Dan untuk pelajar-pelajar *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] itu hari juga kita buat solat hajat perdana kat sini. Solat hajat perdana dan bacaan *yassin* perdana. Kita panggil sekolah-sekolah menengah kat sini, Sekolah Menengah Seri Nering, Sekolah Itifaqiah Jerteh sekolah agama, Sekolah Menengah Pelagat dan pondok moden di Padang Landak itu melibatkan 400 [empat ratus]. Ibu *bapok* [bapa] dan pelajar-pelajar datang solat hajat di sini dan kita menyediakan nasi bungkus sebanyak 400 [empat ratus] *bukuh* [bungkus]. Itu kita kena *engagement* [penglibatan] dengan mana-mana pihak lain lah. Itu saja program-program yang kita atur lah.

- |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| WN   | : <b>Apakah yang Tuan lakukan untuk memastikan rekod masjid teratur dan dikemas kini?</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |
| THAA | : Terima kasih (berdehem). Seperti mana yang saya katakan tadi lah. Untuk makluman adik, untuk tahun ini saja lah untuk 2024 ini. Kita punya bilangan surat kita itu yang kita hantar sama ada dalam kawasan kita ke pejabat agama <i>ko</i> [ke] sekitar ini dan <i>jugo</i> [juga] Kuala Lumpur dan sebagainya. Setakat <i>ari</i> [hari] ini kita <i>sudoh</i> [sudah] mencapai bilangan yang ke 110 [seratus sepuluh]. 110 [seratus sepuluh] keping surat <i>doh</i> [dah] <i>kito</i> [kita] keluarkan semenjak tahun 2024 lah bermula januari sampai ke bulan 11 [sebelas] itu hari sudah 110 [seratus sepuluh] doh [dah]. Itu menunjukkan kita <i>punyo</i> [punya] <i>ado</i> [ada] <i>dio</i> [dia] <i>punyo</i> [punya] |

apa ini aktiviti-aktiviti di luar. Ada *kito* [kita] *punyo* [punya] *ado* [ada] hubungan dengan jabatan-jabatan luar menyebabkan kita punya bilangan surat sudah mencapai 110 [seratus sepuluh]. Saya rasa jarang masjid lah untuk mencapai 100 [seratus] keping surat dalam tempoh *kat* [dekat] dengan setahun ini lah. Paling-paling kurang pun saya ingat orang lain paling kuat pada 50 [lima puluh] *jah* [sahaja] tapi kita *sudoh* [sudah] mencapai 100 [seratus] lebih. Sebab aktiviti *kito* [kita] sendiri *banyak* [banyak] buat dengan forum perdana dengan apa *namo* [benda] ini *joint venture* [usaha sama] dengan kerajaan negeri. Dia panggil Pahlawan Subuh, program Pahlawan Subuh. Pahlawan Subuh ini kita buat program kat sini kita *nok* [nak] *mintok* [minta] supaya masyarakat di sini *mintok* [minta] hadir solat subuh beramai-ramai seperti mana solat jumaat. Itu punya target kita. Setakat hari ini alhamdunillah lah bila kita buat program pahlawan subuh itu sudah ada peningkatanlah daripada jemaah kita yang hadir solat subuh berjemaah di masjid kita alhamdunillah lah. Okey yang lain lagi.

- WN : **Seterusnya, bagaimanakah Tuan menguruskan surat-menurut dan komunikasi rasmi masjid?**
- THAA : Terima kasih. Kami saya sendiri lah sebagai surat menyurat ini saya *meme* [memang] teliti betul lah sebab saya tak nak benda ini, jika sekiranya arahan daripada pejabat agama ataupun arahan daripada mana-mana pihak kita abaikan tak *bulih* [boleh] sebab itu adalah tanggungjawab kita dan jika sekiranya daripada pejabat agama minta kita buat hebahan setiap kali jumaat. Tak kira daripada sekolah dan sebagainya *NGO* [Badan Bukan Kerajaan] dan sebagainya jabatan dan sebagainya kita *announcement* [pengumuman] kita akan buat pengumuman lah setiap hari Jumaat. Dari segi penyusunan dia punya surat-surat itu saya kata orang sebab ada pengalaman masa kita *kije* [kerja] dengan kerajaan dulu.

Saya pun masa *kije* [kerja] kerajaan dulu pun *kiro* [kira] peringkat *atah* [atas] *jugok* [juga] lah. Peringkat *hok* [yang] itu *jugok* [juga] yang biasa lah benda *laguni* [seperti ini] ini. Dan kita tahu surat menyurat ini amat penting dan surat menyurat ini kita kalau *bulih* [boleh] jangan kita terlalu *lamo* [lama] untuk nak menjawab surat seseorang itu kita kena jawab segera. Contoh kata lah pelajar daripada Universiti Malaya dia buat surat ingin datang melawat ke *kito* [kita]. *Kito* [Kita] pun kena *balah* [balas] *balik* [semula] dalam masa dalam masa terdekat. Masa yang singkat jangan *lamo* [lama]. Kalau boleh kita *contact* [hubungi] melalui telefon dulu, kemudian kita susuri dengan surat. Itu kita kata baik lah. Dan kita susun surat ini *bia* [biar] teratur *molek* [elok] sebab kita ini akan datang *pulok* [pula] mereka-mereka yang audit *pulok* [pula]. Pihak pengurusan daripada Terengganu *nuh* [sana] akan tengok kita punya fail kita macam mana akaun kita macam mana penggunaan duit dan sebagainya. Sebab itu kita kena *get ready* [bersiap sedia] daripada awal lagi lah. Buat *kija* [kerja] yang betul dan jangan kita menangguh-nangguhkan kita punya *kija* [kerja] kita. Kita kena boleh *kalu* [kalau] boleh siap *ari* [hari] ini siap *ari* [hari] ini. Jangan kita rasa tak jadi *masaloh* [masalah] sebab ini *NGO* [Badan Bukan Kerajaan] dan sebagainya tak *bulih* [boleh]. Bila kita pegang tanggungjawab kita kena bertanggungjawab dan selesaikan surat-surat ini mengikut keperluan semasa lah. Kalau ada benda itu kata *urgent* [terdesak] kita kena buat *urgent* [terdesak] lah. Kalau benda itu *kato* [kata] *nok* [nak] *lewak* [lewat] *takde* [tak ada] *masaloh* [masalah]. Tetapi walau macam mana pun kita kena mengambil sikap tanggungjawab kita supaya surat menyurat ini sebab penting. Ini sebagai tanda bukti kita yang kita berhubung dengan siapa-siapa dan kita beri jawapan kepada sesiapa. Saya tak nak besok kalau kita cakap mulut saya *tak dok* [tiada] surat tak *bulih* [boleh]. Kita kena bersurat. Kita panggil hitam putih kena adalah. Jadi untuk mengendalikan surat ini saya memang satu fail lah. Dan untuk *ari* [hari] ini untuk setakat ini *kito* [kita] ada 2 [dua] fail. Fail yang *besa* [besar] *tuh* [itu] kita *ado* [ada] dua fail *doh* [dah] surat-menyurat itu. Semua kita *ado* [ada] sini

ada surat lagi kita simpan. Dengan *MAIDAM* [Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu] negeri Terengganu kita *ado* [ada] dengan jabatan-jabatan kena *ado* [ada] dengan orang-orang Sabah Sarawak pun kata kita *ado* [ada] *engagement* [hubungan] *kito* [kita] *keno* [kena] *ado* [ada] semua sekali. Itu saja.

- WN : **Seterusnya, bagaimanakah Tuan menguruskan aktiviti dan program di masjid?**
- THAA : Okey terima kasih. Program aktiviti ini macam saya kata awal lah, macam seperti mana saya kata tadi lah. Macam program gotong-royong kita buat cara berkala iaitu 2 [dua] bulan sekali. Dan ketiga menjemput masyarakat-masyarakat *lua* [luar] NGO-NGO [Badan Bukan Kerajaan] *lua* [luar] seperti kita jemput juga bomba. Bomba dekat sini depan *rumoh* [rumah] saya itu balai bomba. Polis kita jemput. Tentera udara di Bukit Puteri ini pun kita jemput *jugok* [juga] hadir sama kat sini untuk *wak* [buat] gotong-royong. Dan kita juga menjemput majlis daerah Besut. Dulu pokok kayu kita depan itu memang tinggi sampai ke nak *rutoh* [runtuh] *nok* [nak] terbaik ke *rumoh* [rumah] orang takut bila angin kuat *deh* [kan]. Kita buat surat kepada masjis daerah Besut. Buat gotong-royong bersih itu berapa hari 3 [tiga] 4 [empat] hari *jugok* [juga] tiga hari kita buat gotong-royong dengan majlis *daeroh* [daerah] tanpa dia *ambil* [ambil] satu sen pun daripada kita masjid kita. Kita cuma sediakan makan minum sahaja. Dengan jentera *dio* [dia] dengan pemotong *dio* [dia] dengan *skylift* [kereta kebal] dia *punyo* [punya] lori *hok* [yang] nak *akat* [angkat] nak *nebe* [tebang] tinggi *semuo* [semua] *dio* [dia] *sedio* [sedia]. Dan kita juga sini kita ingat masjid ini dia tidak ada *duik* [duit] peruntukan daripada mana-mana pihak. Kita *duik* [duit] kita nak *belanjo* [belanja] sini semua duit kita orang-orang *sponser* [taja]. Orang bagi sedekah orang bagi derma sahaja. Jadi kalau kita nak buat aktiviti ke apa mesti kita kena cari dana dulu lah. Begitu *jugok* [juga] kita dengan nak buat program-program lain. Contoh kata lah

kita nak wak [buat] program-program *besa* [besar] contoh lah forum perdana dan sebagainya sebab bila kita buat forum perdana 3 [tiga] orang ahli penal 3 [tiga] orang ahli panel *kito* [kita] bagi 3 *ratus* [Ringgit Malaysia tiga ratus] 3 *ratus* [Ringgit Malaysia tiga ratus] 3 *ratus* [Ringgit Malaysia tiga ratus] dah 9 *ratus* [Ringgit Malaysia sembilan ratus]. Makan malam lagi. Untuk makluman adik lah kita punya perbelanjaan lah setiap bulan di masjid *kito* [kita] ini dia punya *average* [purata] lebih kurang 20 *ribu* [Ringgit Malaysia dua puluh ribu] sebulan. *Average* [Purata] 20 *ribu* [Ringgit Malaysia dua puluh ribu] sebulan. Belanja pengkuliah belanja makan minum belanja tok bilal eh tok imam kita sorang sini yang tidak dibayar oleh pihak jabat agama sebab dia belum di interview lagi 8 *ratus* [Ringgit Malaysia lapan ratus] kita bayar duit kita sendiri. *Api* [Elektrik] 1 *ribu* 3 *ratus* [Ringgit Malaysia satu ribu tiga ratus] pekerja 2 *ribu* [dua ribu] lebih. Jadi keseluruhannya setiap bulan kurang *plus minus* [tambah tolak] namanya 10 *ribu* [Ringgit Malaysia sepuluh ribu] aa 20 *ribu* [Ringgit Malaysia dua puluh ribu] sebulan. Jadi duit ini bukan ada peruntukan dari mana-mana pihak tetapi kita menggunakan duit *hok* [yang] orang masukkan dalam tabung. Tapi alhamdunillah lah setakat ini (berfikir) kita punya income duit itu mencukupi lah walaupun kata orang ada ketika pendapatan *kito* [kita] tak *sapa* [sampai] 20 *ribu* [Ringgit Malaysia dua puluh ribu] tetapi ada ketika pendapatan lebih pada 20 *ribu* [Ringgit Malaysia dua puluh ribu]. Jadi dapat cover balik. Satu lagi kena ada beritahu di sini kita kena berhemah dalam perbelanjaan. Sebab itu kalau kita nak mengadakan itu hari kita nak baiki *paga* [pagar] keliling itu rosak dah rumput semua sekali dan roboh *doh* [dah] *paga* [pagar] ini. Kita buat secara gotong-royong. Gotong-royong kita buat melibatkan ahli jawatankuasa dan juga masyarakat sekeliling kariah jemaah kita. Yang mana kita beritahu kita buat gotong-royong nak bersih nak bersih kawasan juga nak baiki pagar yang sudah reput. Jadi kito nak bagithu kita nak buat setiap hari. Bukan kata buat hari ini esok *bereti* [berhenti] lusa buat tidak. Kita buat setiap hari dan saya rasa ini merupakan rekod juga lah. Kita buat gotong-royong dalam tempoh

14 [empat belas] *ari* [hari] berturut-turut. 14 [empat belas] *ari* [hari] berturut-turut. Kalau kita bagi *upoh* [upah] kepada kontrak untuk nak buat ini pagar itu kita melibatkan 15 *ribu* [Ringgit Malaysia lima belas ribu] ke 16 *ribu* [Ringgit Malaysia enam belas ribu]. Kalau kita nak bagi kontrak. Tetapi bila kita buat gotong-royong kita belanja hampir 5 *ribu* [Ringgit Malaysia lima ribu] sahaja. Kita dah *jimak* [jimat] 10 *ribu* [Ringgit Malaysia sepuluh ribu] bila kita buat gotong-royong. Tetapi cuba adik tanya orang lain lah kalau boleh buat gotong-royong belas-belas orang sehari. Setiap *ari* [hari] boleh buat gotong-royong susah nak cari itu. Itu merupakan rekod lah sebab itu kita kena cari alternatif kita supaya kita jimatkan belanja itu. Kalau kita bagi kontrak memang dah 15 *ribu* [Ringgit Malaysia lima belas ribu] dah habis. Tapi bila kita buat gotong-royong dah habis 5 *ribu* [Ringgit Malaysia lima ribu] saja kita jimat 10 *ribu* [Ringgit Malaysia sepuluh ribu]. Sebab kita tahu kita orang *susoh* [susah] nak dapat duit *susoh* [susah] maka kita kena berhemah lah. Pandai lah cari bagaimana untuk nak menjimatkan belanja dan sebagainya. Itu saja adik.

- WN : **Seterusnya, apakah yang Tuan lakukan untuk memastikan masjid sentiasa bersih dan teratur?**
- THAA : Terima kasih. Ini kita sebenarnya dalam pelantikan ahli jawatankuasa ini kita adalah kita ada 10 [sepuluh] biro. Biro kewangan, biro ekonomi, biro kemudahan asas, biro keceriaan, biro wanita, biro apa nama ini pendidikan, biro multimedia dan sebagainya. Kita ada sepuluh biro lah termasuk keceriaan dan sebagainya. Jadi antara biro-biro ini kita *mintak* [minta] *supayo* [supaya] pengerusi-pengerusi biro ini memainkan peranan masing-masing supaya masjid kita ini sentiasa kelihatan ceria dan bersih dan bila jemaah luar datang dia rasa suka hati dan sebagainya. Jadi untuk makluman adik juga lah. Kita di besut ini kita ada dua buah masjid dia panggil masjid pelancongan. Masjid Ulul Albab satu

kemudian Masjid Lapan *Kuboh* [Kubah] di Lapan *Kotok* [Kotak] sana. Jadi kita ini masjid pelancongan jadi bila masjid pelancongan maka pelancong-pelancong akan datang melawat masjid *kito* [kita]. Jadi kalau tengok *gak* [itu] *bulih* [boleh] *kato* [kata] setiap bulan ada pelancong datang daripada Thailand *ado* [ada] daripada Singapore *ado* [ada]. Dulu daripada *mat salleh* [orang putih] daripada Perancis *ado* [ada] macam-macam lah kebetulan dia pergi ke Pulau Perhentian. Bila dia balik sini *dio* [dia] *singgoh* [singgah] kat sini. Dia ingat ke ini bangunan - - ini muzium dan sebagainya nampak luar kan tetapi bila datang sini tengok masjid. Jadi kita bagi penerangan kat dia dan sebagainya. Jadi itu lah apa nama ini kita kena bagi tanggungjawab kepada biro-biro tadi supaya beliau menjalankan amanah. Apa tanggungjawab biro-biro beliau yang dilantik tersebut. Contoh kata biro kewangan. Dia kena *pikir* [fikir] *lagumano* [macam mana] untuk mendapatkan dana sebanyak, mana dana. Dia nak cari korporat-korporat mana-mana untuk mendapatkan dana ke. Dia buat dia punya apa nama ini *scan* [imbasan] ini apa nama ini? *Barcode* [kod bar] ini kan dia buat kod bar itu *kalu* [kalau] nak derma itu boleh melalui code bar pun boleh dan sebagainya. *QR code* [kod respons pantas]. Dia kena *pikir* [fikir] lah. Jawatan kuasa bahagian kewangan. Jawatankuasa ekonomi, jawatan kuasa ekonomi dia kena *pikir* [fikir] bagaimana nak mendapatkan dana ekonominya sekarang ini dewan ini dulu *budok-budok* [budak-budak] *nok* [nak] *guno* [guna] orang *NGO* [Badan Bukan Kerajaan] nak *guno* [guna] *percumo* [percuma] tapi sekarang ni kena *baya* [bayar]. Sebab kita buat *doh* [dah] ini *LCD* [Paparan hablur cecair] macam ini dan semua sekali. *Aircond* [Penyaman udara] ada 4 [empat] *bijik* [biji] dan sebagainya dengan kerusi *aircond* [penyaman udara] semua sekali. Kalau orang nak *guno* [guna] kita kena *ambik* [ambil] sumbangan sewa sebagai sebagainya dan kita ada kedai tu kedai tempat minum kat luar bucu sana itu (tunjuk arah) ada kedai itu kita bagi sewa 3 *ratus* [Ringgit Malaysia tiga ratus] sebulan. Itu sumber pendapatan kepada kita lah. *Hok* [Yang] ini kita sewa, ini satu hari 2 *ratus* [Ringgit Malaysia dua ratus] sewa. Kalau sekarang separuh

hari seratus ringgit kita bagi sewa. Ini merupakan sumber-sumber ekonomi kepada masjid kita dan atas dia *pulok* [pula] sebab masjid *kito* [kita] ini masjid pelancongan dia punya *landscape* [pemandangan] dia cantik dan sebagainya. *Kalu* [Kalau] musim cuti sekolah ramai pasangan-pasangan yang nak mendirikan rumah tangga ini tempat untuk nak ijab kabul. Tampat *nikoh* [nikah] kahwin *atah* [atas] ini. Panggil imam nikah kahwin kat sini. Kita minta sumbangan 5 *puluh* [Ringgit Malaysia lima puluh]. Kita bagi tempat lapis yang *bulak* [bulat] yang putih itu. Kita pasang kipas pasang lampu *semuo* [semua] itu *kito* [kita] jaga lah. Jadi setiap nak pasangan, nak nak ijab kabul kat sini boleh. Isi borang dia bagi sumbangan 5 *puluh* [Ringgit Malaysia lima puluh] kepada masjid. Itu sebagai sumber pendapatan kepada masjid kita. Dia ada *sorang* [seorang] ahli jawatankuasa dia panggil pengerusi biro nikah kahwin dan juga barang-barang tercicir. Barang-barang tercicir ini jikalau pelancong datang sini tertinggal jam ke tertinggal apa-apa ke dia akan simpan masuk rekod buku semua sekali. Kalau ada orang datang nak *ambik* [ambil] nak *wak* [buat] tuntutan kita tengok dalam buku. Ha betul. Bagi kat *dio* [dia] tulis tandatangan. Dan setakat hari ini kita jam hampir 60 [enam puluh] dah. 60 [enam puluh], 60 [enam puluh] ini (tunjuk pergelangan tangan) 60 [enam puluh] *bijik* [biji] jam *doh* [dah] *ado* [ada] yang tak tuntut lagi. Jam *ado* [ada] *spek mato* [cermin mata] *ado* [ada] apa ini keris yang nak *nikoh* [nikah] *kea* [kan] *tingga* [tertinggal] keris *ado* [ada] *jugok* [juga] keris tinggal dan sebagainya. Jadi kita simpan semua kat sini lah. Kita ada pengerusi bahagian kedua-dua nikah kahwin dan barang-barang tercicir. Jadi dah bila peranan masing-masing dimainkan oleh pihak biro tadi maka tugas pengerusi *tok* [tak] lah pening *palo* [kepala] sangat lah. Macam saya ini biro (berfikir) jaga persekitaran, *dewe* [dewan] *apo* [apa] *semuo* [semua] menjaga jaga lah. Kenapa tak betul *kito* [kita] *keno* [kena] tegur *laluh* [sekarang] pekerja kita. Jangan tunggu esok lusa baru nak *tego* [tegur] ataupun kita rasa segan nak tegur malu nak tegur tak *bulih* [boleh]. Kita kena tengok tak kena kita kena baiki selalu. Dan saya juga selalu menekankan

kepada ahli jawatankuasa kita kena *ingak* [ingat], kita jadi tuan-tuan sini adalah pilihan Allah Taala. Allah yang pilih kita jadi ahli jawatankuasa *kat* [dekat] sini. Bukan orang lain pilih *dok* [tak]. Allah Taala pilih. Bila Allah Taala itu, kalau kita buat *molek* [betul-betul] kita dapat ganjaran besok. Sekarang ini tak dapat lagi sekarang ini bila kita mati dalam kubur baru kita dapat. Dan ahli jawatankuasa juga kena ingat setiap apa yang kita buat di sini masyarakat keliling akan perhati kita. Sama ada jemaah kita ke orang-orang pelancong luar datang sini ke maka saya minta supaya tolol tunjukkan semangat kerjasama budi pekerti yang baik. Santuni lah mereka dengan baik. Pelancong-pelancong jemaah *luar* [luar] ini supaya bila pelancong datang dia rasa senang hati. Ini nak tanya tandas wanita dekat mana tandas wanita? Jadi kita pun tak layan. Kita rasa bukan budaya kita lah. Dan saya kata, kita ini merupakan duta kepada Masjid Ulul Albab. Semua ahli jawatankuasa pekerja masjid ini bila pelancong datang sini kita ini sebagai duta, duta ini kena maklum *gapo-gaplo* [apa-apa] yang berlaku di sini *bia* [biar] *bulih* [boleh] tolol-tolong beritahu dan tolol beri kerjasama kepada semua pihak lah. Supaya bila orang datang sini puas hati dan nama masjid kita pun kata orang dapat terkenal lah di seluruh Malaysia. Jadi alhamdunillah hari ini kita tengok dia punya *like* [suka] dia punya *FB* [Facebook] Masjid Ulul Albab pun nampak dah *rama* [ramai] lah. Jadi kalau semua main peranan dan kita selalu solat *hajat mintok* [minta] doa *nga* [dengan] Allah Taala supaya diberi dia *punyo* [punya] kata orang keceriaan diberi kemakmuran, diberi kata orang hati yang baik di antara kalangan *AJK* [Ahli Jawatankuasa] kita supaya bekerja dengan ikhlas hati lah. Jangan rasa cemburu. Dan saya juga telah berbincang dengan pihak pengurusan masjid supaya kita juga kena bagi kata orang (berfikir) apa ini panggil (berfikir) kita nak bagi ini macam *ado* [ada] khidmat terbaik lah *AJK* [Ahli Jawatankuasa] khidmat terbaik. Kita *keno* [kena] apa ini (berfikir) *keno* [kena] bagi sumbangan kepada mereka-mereka yang beri khidmat yang terbaik kepada masjid kita dan pada 18 [lapan belas] haribulan ini kita akan mengadakan makan malam. Makan

malam untuk akhir tahun dan kita bagi anugerah kepada AJK-AJK [Ahli Jawatankuasa] kita yang *banyak* [banyak] menyumbang tenaga buah fikiran kepada masjid kita dan kita pilih kita bagi *award* [anugerah] lah, kita bagi anugerah. Jadi kita kena bagi dia punya penghormatan kepada mereka yang banyak membantu masjid. Jadi kita tak kedekut lah kita bagi. Kita bercadang kita nak beli kita punya barang-barangan kaca berupa gelas dan sebagainya, *jak* [jag] dan sebagainya untuk kita bagi 18 [lapan belas] haribulan ini kita *ajok* [ajak] makan. Makan malam, makan nasi arab dan sebagainya. Masjid tanggung lah. Itu sajalah daripada saya.

- WN : **Seterusnya, berapa ramai ahli jawatankuasa yang Tuan bekerjasama dalam pentadbiran masjid?**
- THAA : Terima kasih. Untuk makluman adik lah. Ahli jawatankuasa ini yang telah disenaraikan oleh pejabat agama diminta oleh pejabat agama hanya seramai 18 [lapan belas] orang sahaja. 18 [lapan belas] orang setiap masjid di seluruh daerah ini. Kita masjid di Besut ini ada 89 [lapan puluh sembilan] buah masjid lah. 89 [lapan puluh sembilan] buah masjid. Masjid kita ini dapat memuatkan 1500 [satu ribu lima ratus] orang dan masjid yang paling besarnya Masjid Taman Ilmu di Tembila *nu* [sana] dia boleh muat 10 *ribu* [sepuluh ribu] jemaah. Masjid paling besar lah sebab dia ada harga dia 26 *juta* [Ringgit Malaysia dua puluh enam juta]. Kita ini 12.3 *juta* [Ringgit Malaysia dua belas perpuluhan tiga juta] saja harga masjid ini. Soalan macam mana tadi?
- WN : Berapa ramai ahli jawatankuasa yang Tuan bekerjasama dalam pentadbiran masjid?
- THAA : Ahli jawatan kuasa tadi macam saya kata tadi lah lapan belas itu lantikkan daripada pejabat *agamo* [agama]. *Dio* [Dia] *mintak* [minta] kita lantik seramai 18 [lapan belas] orang. Yang 18 [lapan belas] orang ini dia panggil (berfikir) jawatankuasa utama yang mana dia punya tempoh dia nya ,hanya 3 [tiga] tahun. 3 [Tiga] tahun sekali

lantik itu dio 3 [tiga] tahun dan lantikan ini dilulus oleh pejabat *agamo* [agama] dan *jugok* [juga] dilulus oleh pejabat agama negeri oleh *MAIDAM* [Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu]. Nama-nama kita hantar itu, setiap nama yang kita hantar dia pilih. Ada rekod jenayah ke tidak. Ada jenis *ngisap dadoh* [hisap dadah] ke *dok* [tak]. Ado [Ada] jenis *mace-mace* [macam-macam] lah. Kita tengok situ *bankrup* [muflis] *ko gapo* [ke apa] sebagainya. Kalau tak ada dia *tapih* [tapis] situ baru dia lantik kita. Kalau ada jenayah dan sebagainya dia akan *reject* [menolak]. Tetapi alhamdunillah yang kita hantar *namo* [nama] 18 [lapan belas] orang itu bila ditapis sampai keperingkat negeri. Tidak ada masalah dia lantik terus lah. Tetapi dengan 18 [lapan belas] orang ini saya rasa tidak mencukupi, tidak mencukupi maka kami telah berbincang. Kami melantik lagi dipanggil *AJK* [Ahli Jawatankuasa] tambahan. *AJK* [Ahli Jawatankuasa] tambahan ini kita lantik kita *buko* [buka] untuk 5 [lima] orang lagi tetapi setakat hari ini kita baru pilih 4 [empat] orang sahaja. Sebab kita nak lantik ahli jawatankuasa ini bukan mudah, kita kena tengok orang ini samaada kita lantik *dio* [dia] ini boleh buat *kijo ko dok* [kerja atau tidak]. Kalau sekadar lantik *sajo* [saja] duduk dalam jawatankuasa tetapi *dio* [dia] tak main peranan *tidak dok guno* [tiada guna]. Setakat hari ini 4 [empat] orang baru kita lantik jadi kuota dia *sorang* [seorang], lagi yang apa ini yang kosong lagi. Jadi pelantikan jawatan kuasa tambahan ini yang ini tidak dilantik oleh pejabat agama. Ini pejabat apa ini pengurusan kita yang lantik lagi. Dilantik sendiri jawatankuasa tambahan. Kemudian walaupun kita ada 18 [lapan belas] ada 4 [empat] orang baru 22 [dua puluh dua] *kea* [kan], tapi kita bila kita bermesyuarat kita jemput sama imam, bilal. Imam, bilal ini dipanggil pegawai masjid. Imam kita ado [ada] 3 [tiga], bilal *ado* [ada] 3 [tiga]. Kalau di Kelantan imam 2 [dua], bilal 2 [dua] tapi kita disini imam 3 [tiga] bilal, 3 [tiga]. Kita ada pekerja 4 [empat] orang maka bila kita bermesyuarat sini semua kita panggil. Kita tak panggil ahli jawatankuasa saja semua kita panggil kita bincang ramai-ramai. Kalau bab tajuk kata kebersihan kita boleh fokus kat mana tak kena. Kalau tandas lelaki tanggungjawab ada

*hok* [yang] ini. *Nok tanyo apo tanyo* [Nak tanya apa tanya]. Jadi bila kita tanya dalam ini lain kali kena bersih. Nak mesyuarat *pulok* [pula] ini, nak mesyuarat *pulok* [pula] ini, *tanyo* [tanya] *pulok* [pula] dengan *gitu* [begitu] dia akan buat kerja *molek* [baik-baik] lah. Dan kita juga sering buat - - melalukan lawatan lah ke tempat-tempat diorang kerja ini. Kalau tak kena kita tegur situ lalu lah. Saya rasa dari segi AJK [Ahli Jawatankuasa] ini yang 18 [lapan belas] orang ini dapat dipanggil imbuhan daripada pejabat agama bagi. Setiap kali hadir mesyuarat, pejabat agama lulus sebanyak 2 *puluh* [Ringgit Malaysia dua puluh]. Dipanggil elaun hadir mesyuarat. Hanya dapat 2 *puluh* [Ringgit Malaysia dua puluh] lah secara hadir mesyuarat. Itu saja lah jawatankuasa yang saya boleh beritahu.

#### **TAMAT BAHAGIAN 5**

## **SESI 2: TEMUBUAL BERSAMA TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

“Kita akan masuk latar belakang tokoh dahulu. Boleh ceritakan sedikit tentang diri, seperti nama penuh dan asal usul?”

- NH : **Kita akan masuk latar belakang tokoh dahulu. Boleh ceritakan sedikit tentang diri, seperti nama penuh dan asal usul?**
- TMI : Baik, Waalaikumussalam Warahmatullahi Wabarakatuh. Nama diberi Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat. Asal saya daripada Setiu, Terengganu, lagi nak cerita (berfikir). Berasal daripada Setiu, Terengganu. Cuma dari *kecik* [kecil] saya menetap di Kuantan dan pendidikan awal saya daripada Sekolah Rendah Islam ABIM [Angkatan Belia Islam Malaysia] yang bermula daripada darjah satu [1] hingga darjah lima [5]. Kemudian berpindah ke *SK Cherating* [Sekolah Kebangsaan Cherating] untuk persiapan mengambil *UPSR* [Ujian Pencapaian Sekolah Rendah] seterusnya ke peringkat menengah saya bersekolah di *Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu* [KOSPINT] yang mana sekarang ini telah *dijenamakan* [dinamakan] semula menjadi Imtiyaz Kuala Terengganu. Okey selepas itu, saya melanjut pelajaran ke Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri Terengganu pada tingkatan 4 [empat] dan berada di situ hingga tamat [berfikir] pengajian quran (berdehem). Untuk peringkat ijazah sarjana muda, saya menyambung pelajaran di Universiti Sultan Abdul Halim Muazzam Shah [UNISHAM] di Kedah. Setakat itu sahaja.

- NH : **Okey baik. Seterusnya berapakah umur tuan?**
- TMI : Saya berumur 33 [tiga puluh tiga].

- NH : **Bila tarikh lahir tuan?**
- TMI : Tarikh lahir 15 Julai 1991. 15 haribulan 7, 1991.
- NH : **Dimanakah tempat tinggal tuan sekarang?**
- TMI : Tempat tinggal di Seberang Jerteh
- NH : **Seberang Jerteh?**
- TMI : Ya
- NH : **Adakah tuan sudah berkeluarga?**
- TMI : Ya, sudah berkeluarga.
- NH : **Apakah nama isteri tuan?**
- TMI : Nama isteri Tuan Nur Syahida Binti Abu Wahab.
- NH : **Berapa umur isteri tuan?**
- TMI : Umur isteri 36 [tiga puluh enam].
- NH : **Berapakah orang anak tuan?**
- TMI : Anak ada 2 [dua] orang.
- NH : **Berapakah umur dan nama anak-anak tuan?**

- TMI : Yang pertama itu Mohamad Habibul Rahman Bin Muhammad Imanuddin berumur 5 [lima] tahun. Yang kedua Ahmad Furqan Bin Muhammad Imanuddin berumur 2 [dua] tahun.

### **TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

- NH : **Okey baik. Seterusnya, kita akan ke sejarah pendidikan tokoh. Bolehkah tuan ceritakan pengalaman atau pencapaian istimewa tuan semasa sekolah menengah?**
- TMI : Okey. Semasa sekolah di *KOSPINT* [Kolej Sains Pendidikan Islam Negeri Terengganu], saya lebih fokus kepada aktiviti-aktiviti kokurikulum. Jadi, pencapaian saya banyak menjurus kepada kokurikulum lah. Saya mewakili negeri ke apa nama ini kejohanan sukan Sekolah-Sekolah Agama Malaysia. Okey seterusnya apabila masuk tingkatan 4 [empat] saya berubah ataupun berpindah bidang masuk ke Maahad Tahfiz Negeri Terengganu. Jadi, disitu saya lebih fokus kepada pendidikan agama dan pencapaian yang terbaik pada waktu itu dan mungkin yang terbaik dalam hiduplah dapat menghabiskan al-quran.
- NH : **Seterusnya kerjaya tokoh di masjid. Apakah jawatan tuan di Masjid Ulul Albab?**
- TMI : Okey, untuk jawatan semasa saya memegang jawatan sebagai imam (berfikir) dan pegawai masjid.
- NH : **Bilakah tuan mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab?**
- TMI : Khidmat bermula daripada 2017.

- NH : **2017?**  
TMI : Ya
- NH : **Siapakah yang melantik tuan sebagai imam?**  
TMI : Pada peringkat awal, jawatankuasa masjid yang melantik dan dibayar elau oleh jawantankuasa masjid lah, cuma apabila jawatankuasa masjid mengesyorkan supaya imam-imam ini mendapat tauliah daripada *MA/DAM* [Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu] maka pada tahun 2018 saya pun memohon untuk mendapat tauliah daripada *MA/DAM* [Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu] dan alhamdulilah berjaya lah mendapat. (Teriakan kanak-kanak)
- NH : **Seterusnya, bagaimanakah tuan mula terlibat dengan kerjaya di Masjid Ulul Albab?**  
TMI : Okey. Pada mulanya, saya diberi tugas untuk menjadi imam ganti ataupun imam *rawatib* [separuh masa] lah. Okey, apabila jemaah senang hati jadi saya dicadangkan untuk mengambil tanggungjawab sebagai imam sepenuh masa.
- NH : **Okey baik. Apakah tugas utama tuan sebagai imam muda Masjid Ulul Albab?**  
TMI : Okey. Tugasan imam muda untuk secara keseluruhannya lah, tugasan imam ini sangat luas dan sangat *berak* [berat]. Jadi cuma saya nak ringkaskan disini tugasan imam muda ini dia sebagai *check and balance* [semak dan imbang] untuk pentadbiran masjid. Sekiranya berlaku perbincangan ataupun mesyuarat. Jadi, tugasan imam ini dia menyemak apa-apa yang dilaksanakan oleh masjid itu menepati dengan hukum-hakam lah.

## TAMAT BAHAGIAN 2

### BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG MASJID ULUL ALBAB

- NH : Okey baik. Seterusnya kita akan masuk ke latar belakang masjid. Apakah nama sebenar Masjid Ulul Albab?
- TMI : Okey (berfikir). Dalam makluman saya lahir Masjid Ulul Albab ini berasal daripada Masjid Seberang Jerteh. Jadi, Masjid Seberang Jerteh ini masjid yang lama *dah* [sudah] cuma saya tak pasti mula daripada tahun berapa masjid Seberang Jerteh. Cuma apabila (berfikir) ada usaha-usaha untuk memajukan Masjid Seberang Jerteh kerana mempunyai lokasi ataupun apa lokasi lah yang sangat menarik untuk tujuan pelancongan. Jadi, Masjid Seberang Jerteh ditukarkan kepada Masjid Ulul Albab.
- NH : Okey. Kenapa masjid ini dikenali sebagai masjid tanpa paku?
- TMI : Masjid tanpa paku. Okey, setakat pengetahuan saya untuk Masjid Ulul Albab ini dikenali dengan masjid tanpa paku oleh kerana seni binanya yang unik dia tradisi melayu. Kerja-kerja kayu dia itu yang (berfikir) tidak melibatkan sebarang paku untuk menggambangkan kayu-kayu itulah. Jadi, dia guna sistem tanggam, okey.
- NH : Okey. Bila masjid ini mula dibina dan siap sepenuhnya?
- TMI : Okey bermula pembinaan kalau tak silap saya 2008 (berfikir) siap sepenuhnya dan dirasmikan pada tahun 2012.

- NH : **Okey. Siapakah yang mencetuskan idea pembinaan masjid tanpa paku?**
- TMI : Setakat pengetahuan saya, pencetus kepada Masjid Ulul Albab ini Datuk Sri Idris Yusuf.
- NH : **Siapakah arkitek utama yang mereka bentuk Masjid Ulul Albab?**
- TMI : Okey. Kalau tak silap ataupun mungkin lah untuk pengetahuan saya yang terhad ini, arkitek dia dah meninggal dunia nama dia Wan Po. Dia kalau tak silap saya dia berasal dari Kampung Raja.
- NH : **Okey baik. Apakah jenis kayu yang digunakan untuk pembinaan masjid?**
- TMI : Okey. Kayu yang digunakan cengal, seraya, dan sebahagian kecilnya kayu-kayu lain lah. Cuma peratus cengal tu kalau tak silap 80 [lapan puluh] peratus, seraya baki tu 15 [lima belas] peratus, 5 [ima] peratus itu untuk kayu lain lah.
- NH : **Dari mana sumber kayu diperolehi?**
- TMI : Soalan ini saya tak pasti daripada mana sebab urusan itu diuruskan oleh Wan Po tadi lah sebab dia memang tukang kayu yang kita panggil apa [berfikir] *legend* [berpengalaman] lah.
- NH : **Tersohor [terkenal]?**
- TMI : *Tersohor* [terkenal], ya yang tersohor [terkenal].
- NH : **Berapakah lama tempoh pembinaan masjid?**
- TMI : Lebih kurang 4 [empat] tahun.

- NH : **Apakah teknik pembinaan tanpa paku yang digunakan?**
- TMI : Sistem tanggam.
- NH: **Adakah teknik pembinaan ini diinspirasi dari mana-mana budaya?**
- TMI : Saya pasti dan saya yakin seni bina ini daripada tradisi melayu sendiri.
- NH : **Bagaimana keselamatan masjid ini dijamin tanpa penggunaan paku?**
- TMI : Okey, kalau kita tengok kita perhatikan. Memang masjid ini tanpa paku cuma kalau kita tengok betul-betul *structure* [struktur] dia itu bukan daripada kayu la daripada *semin* [simen] dan keluli lah besi. Jadi, kayu ini sebagai apa orang panggil tambahan untuk nilai-nilai estetik.
- NH : **Kemelayuan?**
- TMI : Ya.
- NH : **Berapakah kos keseluruhan pembinaan masjid?**
- TMI : Setakat pengetahuan saya 12 juta [Ringgit Malaysia dua belas juta] (teriakan kanak-kanak).

**TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: KEUNIKAN MASJID ULUL ALBAB**

- NH : Okey seterusnya bagaimana keunikan masjid ini mempengaruhi pandangan jemaah?
- TMI : Okey, (berfikir) seni bina masjid kayu ini sangat unik. Kalau kita cari di seluruh Malaysia pun rasanya *takde* [tiada] yang masjid seperti ini. Jadi, itu salah satu daya *penarik* [tarikan] kepada jemaah-jemaah yang berada disekeliling ini untuk datang ke masjid. *Lepas* [Selepas] itu, bila kita sebut seni bina kayu ini suasana dia menggamit memori contohnya jemaah-jemaah yang dah berumur dia mengimbau kenangan lama lah rumah kayu.
- NH : Klasik.
- TMI : Klasik *gitu* [macam itu].
- NH : **Bagaimana masjid ini menarik perhatian pengunjung kerana keunikan tanpa paku?**
- TMI : Okey. Kalau tengok kepada rekod kunjungan daripada pelancong-pelancong ini memang masjid kayu salah satu daripada masjid yang mendapat sambutan yang tinggi lah daripada pelancong dalam negara dan luar negara. Jadi, apa yang saya dapat perhatikan tarikan masjid kayu ini untuk pelancong-pelancong salah satunya seni bina dia. Bentuk dia yang susah kita nak jumpa dekat lain dan keunikan tadi lah, *takde* [tak ada] paku, guna sistem-sistem yang tradisional. Jadi, itulah salah satu ataupun beberapa faktor yang menarik pelancong-pelancong luar untuk datang.
- NH : **Okey. Bagaimana masjid ini mengekalkan tradisi seni bina Melayu?**
- TMI : Okey masjid ini sebenarnya dia ada *penjaga* [pemilik] dia. *Penjaga* [pemilik] dia pengasas dia tadi lah Datuk Sri Idris Yusuf. Jadi apa-

apa perbincangan yang melibatkan mengubah struktur, mengubah keadaan seni bina dan sebagainya perlu melalui perbincangan bersama dengan Datuk Sri Iah. Jadi saya bagi contoh sebelum daripada ini ada berlaku apa orang panggil sumbangana *aircond* [penghawa dingin] dari salah seorang YB [Yang Berhormat]. Jadi, bila dalam mesyuarat kita suarakan untuk (berfikir) guna optimum itu lah *aircond* [penghawa dingin] itu. Jadi, seni bina sekarang ini dia tidak mengizinkan untuk kita guna *aircond* [penghawa dingin] sebab dia banyak lubang-lubang angin dan sebagainya. Jadi, dalam mesyuarat itu kita cadang untuk tutup lubang-lubang itu, jadi bila bawa mesyuarat kepada Datuk Sri memang dia tak setuju lah. Jadi apa orang panggil, sumbangana tuu disumbangkan kepada masjid lain.

NH : **Masjid lain?**

TMI : Hmm (angguk kepala)

NH : **Okey. Bagaimana masjid ini berjaya bertahan dalam keadaan cuaca yang berbeza?**

TMI : Okey seperti mana saya bagitahu tadi. Struktur masjid kayu ini sebenarnya dia bukan daripada kayu sahaja. Dia ada *semin* [konkrit] dan besi, jadi struktur simen dan besi ini seperti mana yang kita maklum memang kukuh lah untuk cuaca ataupun keadaan cuaca di Malaysia ini.

#### **TAMAT BAHAGIAN 4**

## **BAHAGIAN 5: PENGURUSAN MASJID ULUL ALBAB**

- NH : **Okey baik. Apakah peranan imam dalam pentadbiran masjid?**
- TMI : Okey. (berfikir) Imam dalam pentadbiran masjid ini macam tadi yang saya bagitahu, dia sebagai ketua untuk urusan-urusan agama dan untuk urusan-urusan yang melibatkan pentadbiran pengurusan dia sebagai *check and balance* [semak dan imbang]
- NH : **Okey baik. Apakah strategi masjid dalam menjana pendapatan untuk operasi sehari-an?**
- TMI : Okey. Masjid Ulul Albab ini dia sedikit unik untuk aspek ini. Masjid Ulul Albab dia mempunyai koperasi sendiri, koperasi itu daripada kebun sawit. Jadi, pendapatan masjid dijana daripada situ lah. Koperasi itu salah satu, yang keduanya masjid mempunyai bangunan sewa bangunan untuk disewakan sekarang ini memang penyewa tu berterusan lah sewa. Sumber pendapatan masjid salah satunya daripada situlah dan tidak lain daripada apa daripada sumbangan orang ramai lah. Daripada tabung-tabung hari jumaat hari *gapo* [apa] sempena-sempena peristiwa kebesaran sekarang ini.
- NH : **Okey. Bagaimana masjid ini mengendalikan sumbangan daripada masyarakat?**
- TMI : Okey. Masjid Ulul Albab ini kita ada organisasi ataupun jawatankuasa yang menguruskan kewangan masjid, jadi ketua apa pegawai yang menguruskan masjid ini bendahari masjid lah. Dalam bendahari itu kita ada beberapa orang pegawai yang membantu bendahari untuk menguruskan. Jadi, sumber kewangan ini kita seperti biasa kita rekodkan kita simpan dalam bank dan segala apa tu penggunaan itu kita mohon kelulusan melalui mesyuarat melalui

kelulusan daripada pejabat agama sekiranya melebihi had-had yang tertentu untuk kita guna sebagai perbelanjaan.

- NH : **Okey. Apakah cabaran utama dalam pengurusan masjid?**
- TMI : Cabaran utama, luas sangat tu?
- NH : **Cabaran spesifik untuk imam**
- TMI : Okey imam. Imam ini sebenarnya dia memegang 1 [satu] tanggungjawab yang sangat berat di masjid ini. Cuma macam mana dia menguruskan suasana itu dia kena *masuk* [rapat] dengan masyarakat, dia kena orang kata *benda* [apa]. Walaupun umur dia, *gap* [jurang] itu jauh beza itu jauh tapi dia kena *masuk* [bergaul] dengan masyarakat yang muda, yang tua, yang pertengahan, orang lelaki, orang perempuan, kanak-kanak.
- NH : **Ambil hati?**
- TMI : Ya kena ambil hati. Jadi kena jadi macam *YB* [Yang Berhormat] juga lah dan kena pandai. Cakap itu tak boleh nak pedas-pedas [kasar-kasar] sangat, tak boleh nak terasa hati dengan orang-orang *gitu* [begitu].
- NH : **Seterusnya, bagaimana masjid ini berhubung dengan pihak berkuasa agama tempatan?**
- TMI : Okey. Hubungan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) ini memang kita sangat rapat. Sebelah masjid ini ada Balai Polis Jerteh lepas itu pula memang pihak masjid sangat rapat dengan jawatankuasa keselamatan kampung (JKK) dan daripada situlah dalam mesyuarat pengurusan itu lah kita biasanya kita akan jemput wakil daripada polis, wakil daripada bomba, wakil daripada jawatan

apa itu agensi-agensi kerajaan untuk sama-sama kita selesaikan isu-isu semasa yang berlaku lah di *kariah* [kampung] kita ini.

- NH : **Okey. Apakah terdapat rancangan untuk memperluaskan atau menambah baik masjid ini?**
- TMI : Untuk setakat ini, kapasiti masjid masih lagi boleh menampung bilangan ahli jemaah yang berada di sekitar ini lah di kampung Seberang Jerteh.
- NH : **Okey Bagaimana masjid ini menyediakan latihan untuk pentadbir dan staf?**
- TMI : Okey. Untuk latihan dan apa nama tadi?
- NH : Pentadbir.
- TMI : Pentadbir biasanya kita akan adakan sesi lawatan. Masjid akan rangka 1 [satu] lawatan kita akan pergi melawat ke tempat-tempat ataupun masjid-masjid yang menjadi rujukan kita ataupun kita menjadi contoh. Contohlah untuk isu apa nama ini solat subuh seperti
- NH : Jumaat.
- TMI : Solat Jumaat. Jadi, kita memerhati dan kita dapat mengenal pasti masjid di Temerloh yang dia berjaya capai solat subuh seperti solat Jumaat. Jadi kita adakan lawatan ke sana untuk menimba ilmu, belajar, tengok apa yang dia buat supaya kita boleh *bawak* [bawa] balik laksanakan di masjid kita lah.

- NH : **Bagaimana pentadbiran masjid memastikan keterbukaan kepada semua lapisan masyarakat?**
- TMI : Okey, untuk keterbukaan dengan masyarakat ini kita banyak laksanakan program-program yang melibatkan semua peringkat umur contohnya gotong-royong memang kita jemput secara rasmi lah, ahli-ahli *kariah* [kampung] dari sekitar masjid untuk sama-sama datang pada pagi jumaat pagi sabtu. Jadi, mereka ini bila dah selalu datang ke masjid untuk sama-sama menceriakan masjid bersihkan masjid. Dalam masa yang sama mereka akan dekat dengan masjid walaupun kita budak-budak *kecik* [kecil] ataupun dewasa, remaja semua akan jadi dekat dengan masjid.
- NH : **Bagaimana masjid ini mengadaptasi teknologi dalam pengurusan?**
- TM : Okey, untuk isu ini saya kena berlaku jujur teknologi yang diguna pakai dalam masjid ini ataupun kita panggil untuk pentadbiran masjid masih lagi berada di bukan ketinggalan lah tapi dia tak lah semaju seperti mana yang berlaku sekarang lah. Dengan AI [kecerdasan buatan] apa tu semua memang *takdok* [tiada] lagi, cuma unsur-unsur teknologi itu ada yang diguna pakai contohnya kita guna khutbah yang dipamparkan melalui skrin. Jadi, teknologi yang *basic* [asas] lah yang asas lah.

**TAMAT BAHAGIAN 5**

## **BAHAGIAN 6: PROGRAM DAN AKTIVITI MASJID ULUL ALBAB**

- NH : **Adakah Masjid Ulul Albab menyediakan aktiviti khusus untuk golongan belia?**
- TMI : Golongan belia, ya, untuk kita *tackle* [pikat] golongan belia ini untuk kita dekat dengan belia kita telah adakan beberapa jenis kelas ataupun kelas lah kita panggil. Yang pertamanya untuk kanak-kanak kelas mengaji pada hujung minggu. Lepas itu, untuk peringkat remaja kita adakan kuliah maghrib setiap malam. Jadi, ini salah satu tarikan kepada remaja-remaja untuk dia datang mendalami ilmu agama selepas dia penat *bersekoloh* [bersekolah] pada siang hari lah.
- NH : **Okey. Bagaimana Masjid Ulul Albab melibatkan wanita dalam program keagamaan?**
- TMI : Untuk golongan wanita pun kita ada sediakan kelas dan ceramah-ceramah agama, contohnya pada pagi jumaat kita ada kelas mengaji untuk wanita, pagi sabtu kita ada kursus haji dan umrah yang melibatkan jemaah lelaki dan wanita. Jadi, untuk jemaah wanita ini memang kita tidak ketinggalan lah. Kita libatkan sama mereka sebab kita faham peranan wanita ini dalam masyarakat tidak boleh dipertikaikan lah sangat penting.
- NH : **Okey. Adakah terdapat aktiviti sukan atau rekreasi untuk komuniti yang dianjurkan oleh masjid?**
- TMI : Untuk acara-acara atau program yang melibatkan sukan dan sebagainya. Dalam pengetahuan saya, dalam setahun itu mungkin sekali sahaja lah.
- NH : **Sekali?**

TMI : Ya, sekali. Itupun kita panggil hari terbuka masjid sebab institusi masjid ini dia kurang sesuai untuk menganjurkan sukan-sukan yang *extreme* [ekstrem] lah kita kata.

NH : **Okey. Bagaimana Masjid Ulul Albab menyokong masyarakat dalam menghadapi bencana seperti banjir atau pandemik?**

TMI : Okey, untuk isu-isu yang berkaitan dengan banjir dan sebagainya, untuk makluman Masjid Ulul Albab ini salah satu pusat pemindahan banjir yang berada di sekitar Jerteh lah. Jadi, baru-baru ini *pon* [pun] kita dah, gelombang pertama banjir kita menjadi *PPS* [Pusat Pemindahan Sementara] yang memuatkan seramai 300 [tiga ratus] orang mangsa banjir di kawasan sekitar banjir ini lah. Jadi, memang untuk banjir ini Ulul Albab sebagai satu tujuan utama lah tumpuan untuk masyarakat setempat.

NH : **Apakah peranan masjid dalam menyemarakkan aktiviti kemasyarakatan [teriakan kanak-kanak] seperti program kesihatan?**

TMI : Untuk program-program kesihatan yang melibatkan masyarakat setempat dalam senarai program ataupun *takwim* [kalender] masjid memang kita adakan satu hari terbuka ataupun kita panggil apa nama ini kita jemput agensi-agensi yang melibatkan kesihatan untuk datang membuat rawatan ataupun pemeriksaan lah di masjid kita ini.

NH : **Okey. Apakah program komuniti yang paling berjaya dianjurkan di masjid ini?**

TMI : Okey, seingat saya program yang paling berjaya apabila kita menjemput Dr Zakir Naik datang untuk berikan ceramah yang mana kita faham yang kita dah sedia maklum Dr. Zakir Naik ini tokoh

agamawan dunia yang berjaya menarik semua lapisan masyarakat. Jadi, pada waktu itu memang sambutan menggalakkanlah.

- NH : **Okey. Bagaimana masjid ini membantu golongan yang memerlukan?**
- TMI : Golongan yang memerlukan pengurusan masjid kita ini dia telah mengatur beberapa program ataupun projek sepanjang tahun yang mana melibatkan masyarakat-masyarakat yang susah, ahli *kariah* [kampung] yang berlaku kematian dan sebagainya lah. Jadi, apabila berlaku kematian di kawasan *kariah* [kampung] kita ini pengurusan masjid akan bagi sumbangan percuma satu set lengkap untuk urusan pengebumian. Jadi, untuk masyarakat-masyarakat miskin kita sentiasa ada sumbangan daripada pihak luar yang bekerjasama dengan masjid untuk memberikan sumbangan lah ke masyarakat ataupun ahli *kariah* [kampung] yang susah ataupun miskin.
- NH : **Okey. Bagaimana masjid mendidik generasi muda tentang Islam?**
- TMI : Generasi muda ini sebenarnya dia sangat...sangat orang panggil apa sangat culas. Culas tu apa dalam bahasa melayu. Culas itu bukan liar lah liar itu lain *pulak* [pula]. Dia culas dia tak rapat dengan institusi masjid sebab dia banyak terpengaruh dengan sukan, dia terpengaruh dengan hiburan, dan sebagainya. Jadi, apa yang pihak masjid buat kita jemput penceramah-penceramah yang apa yang *viral* [berleluasa] dalam Tiktok dalam Facebook yang mana orang-orang muda ini dia suka.
- NH : Kenal

- TMI : Ya, kenal dengan penceramah tersebut. Jadi, bila kita jemput itu salah satu cara untuk kita tarik orang muda ini untuk datang ke masjid dan berminat dengan ceramah agama.
- NH : **Okey. Apakah inisiatif masjid ini dalam menyatukan komuniti pelbagai latar belakang?**
- TMI : Okey, kalau kita perhatikan kawasan Seberang Jerteh ini bukan daripada orang Melayu sahaja tapi dia ada orang Cina, ada orang Siam yang melibatkan *non-muslim* [bukan islam]. Jadi masjid ini berperanan sebagai penyatu kepada perpaduan masyarakat seperti mana kalau kita boleh ambil contoh sekiranya kita buat apa-apa program contohnya program bubur lambuk. Jadi, bubur lambuk ini biasanya kita akan agihkan kepada ahli *kariah* [kampung] dan penerima kepada agihan itu bukan orang Melayu Islam sahaja tapi masyarakat yang *non-muslim* [bukan islam] pun dapat juga. Jadi, disitu akan timbul rasa selesa dengan masjid, dia tak akan rasa apa nama *racist* [isu perkauman] lah ataupun Islam ini sebagai agama yang pengganas dan sebagainya.
- NH : **Bagaimana masjid ini menghadapi isu sosial di kalangan masyarakat?**
- TMI : Maksud isu sosial tu?
- NH : Macam masalah budak-budak muda yang liar.
- TMI : Okey. Macam mana masjid menghadapinya itu saya rasa dia tidak lari jauh daripada apa yang masjid *dah* [sudah] buat kita didik masyarakat dengan ilmu agama. Jadi, bila ia masyarakat dah terdidik dengan ilmu agama mereka akan jinak, mereka akan datang ke masjid, mereka akan rapat dengan masjid. Daripada situ secara tidak langsung mereka akan meninggalkan perkara-perkara yang apa yang menyalahi agama lah.

- NH : **Apakah peranan masjid dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat?**
- TMI : Okey. Masjid ini kita tak boleh lari daripada konsep mendidik. Jadi, apa yang kita boleh buat di peringkat masjid ataupun peringkat pentadbiran pengurusan masjid kita sentiasa mendidik masyarakat melalui ceramah, melalui khutbah, melalui kunjung bantu, ataupun ziarah ke rumah masing-masing dan dalam masa yang sama kita selitkan unsur-unsur keamanan. Kita tak sebut pasal isu-isu yang menjadi perbalahan di kalangan bangsa, kalangan agama dan sebagainya lah. Jadi, itu salah satu usaha pengurusan masjid untuk menyemai keamanan di dalam kalangan masyarakat.
- NH : **Okey. Adakah terdapat perkhidmatan khas yang disediakan oleh masjid untuk komuniti?**
- TMI : Perkhidmatan khas itu contohnya?
- NH : Macam untuk kematian.
- TMI : Ya, ada *takdi* [tadi]. Masjid menyediakan set lengkap pengebumian daripada kain kafan, daripada apa nama ini orang panggil apa kayu *loban* [panjang] itu. Okey, kos untuk gali mayat dan sebagainya semua ditanggung oleh masjid lah.
- NH : **Adakah masjid juga menyediakan van jenazah?**
- TMI : Ya, masjid pun menyediakan khidmat van jenazah bukan sahaja untuk ahli *kariah* [kampung] tetapi untuk mana-mana umat Islam yang berlaku kematian di kawasan sekitarlah. Di hospital Jerteh, hospital Terengganu pun ada.

- NH : **Bagaimana untuk menghubungi masjid kalau berlaku kematian?**
- TMI : Okey. Dalam jawatankuasa masjid kita telah beri tugas untuk urusan jenazah ini kepada Abe [Abang] Mat mungkin nama dia Ahmad, tak ingat lah. Okey, jadi pegawai yang menguruskan bahagian pengurusan jenazah ini sentiasa akan update maksudnya dari segi *contact number* [nombor kenalan] dia makna siapa-siapa yang berlaku kematian hubungi terus dengan pegawai ini lah.

#### **TAMAT BAHAGIAN 6**

### **BAHAGIAN 7: PENGURUSAN KEWANGAN DAN DANA MASJID ULUL ALBAB**

- NH : **Adakah masjid ini menerima bantuan kewangan daripada kerajaan atau pihak berkuasa agama?**
- TMI : Ya betul. Pihak masjid menerima sumbangan bukan sumbangan bantuan daripada pihak kerajaan melalui akaun masjid lah.
- NH : **Sebanyak berapa?**
- TMI : Untuk sebut secara terperinci itu saya tak boleh nak sebut sebab itu perlu kepada maklumat daripada bendahari.
- NH : **Apakah cara untuk memastikan semua perbelanjaan didokumenkan dengan baik?**
- TMI : Okey. Dalam mesyuarat pengurusan masjid memang kita ada agenda untuk kewangan. Kewangan perbelanjaan masjidlah jadi

dalam dalam agenda kewangan itu memang kita bentangkan perbelanjaan masjid, berapa yang masuk, berapa yang keluar, ke mana yang keluar, jadi semua tu berekod dan *transparent* [telus].

- NH : **Apakah usaha masjid untuk menarik lebih ramai penderma?**
- TMI : Okey. Sebenarnya sumbangan daripada orang awam ini dia datang daripada kesedaran. Jadi, apa yang pihak masjid usahakan supaya dapat menambah sumbangan daripada orang awam contohnya kalau kita pernah perhatikan di bahagian hadapan masjid kita telah selesai membina 2 [dua] dia panggil apa ye. Ha gazebo.
- NH : Ya, gazebo.
- TMI : Gazebo wakaf untuk kegunaan pelancong-pelancong contohnya dia nak singgah untuk salin *pampers* [lampin] anak, untuk dia menunggu suami dia semayang [sembahyang] jumaat contohnya. Jadi, disitu timbul rasa selesa ataupun rasa nak dapat saham akhirat menyumbang jadi dia pun buat sumbangan. Daripada hasil kita buat kita berikan keselesaan kepada pelancong-pelancong itulah.
- NH : **Adakah terdapat *transfer online* [pembayaran atas talian] untuk menderma?**
- TMI : Setakat ini kita ada guna kaedah *transfer online* [pembayaran atas talian] cuma seperti mana yang saya bagitahu tadi lah penggunaan teknologi di masjid kita ini masih lagi berada di peringkat rendah lah.
- NH : **Bagaimana dana diurus untuk aktiviti-aktiviti komuniti?**

- TMI : Okey. Dana daripada masjid yang kita salurkan kepada komuniti berbentuk sumbangan kepada orang susah, orang fakir miskin, dan orang-orang yang ditimpa musibah seperti banjir, seperti kematian dan sebagainya.
- NH : **Bagaimana masjid ini menyimpan dana untuk projek masa depan seperti pengubahsuaian tambahan?**
- TMI : Okey, seperti mana yang saya maklum tadi. Masjid kita ini ada banyak sumber kewangan yang salah satunya daripada koperasi dan bangunan sewaan. Jadi, kebiasaannya perbelanjaan masjid ini hanya bergantung kepada sumbangan harian, sumbangan bulanan, sumbangan mingguan sahaja. Sekiranya kita ada satu ataupun kita ada keperluan untuk menambah baik fasiliti masjid yang melibatkan kos yang tinggi kita akan guna sumber daripada yang tadilah. Daripada sewaan bangunan dan koperasi sebab hasil daripada 2 [dua] sumber tadi memang tinggi lah pendapatan dia.
- NH : **Boleh encik beritahu jumlah sumber sewa?**
- TMI : Setakat ini duit terkumpul untuk sewaan itu *60,000* [Ringgit Malaysia enam puluh ribu]. Selepas kita guna untuk ini lah untuk baik pulih.
- NH : **Okey. Apakah sumbangan utama Masjid Ulul Albab dalam pemeliharaan seni bina tradisional?**
- TMI : Okey. Untuk pelihara seni bina jadi unsur-unsur yang menyebabkan berubahnya seni bina itu kita tidak laksanakan lah di masjid kita contohnya macam penggunaan *aircond* [penghawa

dingin] tadi sehingga kena ubah seni bina yang sedia ada. Jadi, kita ambil keputusan untuk tidak guna *aircond* [penghawa dingin].

- NH : **Apakah sumbangan Masjid Ulul Albab dalam kegiatan sosial di komuniti setempat?**
- TMI : Kegiatan sosial?
- NH : Di komuniti setempat
- TMI : Okey. Kurang jelas soalan itu. Kegiatan sosial komuniti setempat. Kita banyak terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan lah. Contohnya bila ada apa-apa musibah ataupun ujian untuk ahli *kariah* [kampung] kita, kita akan mungkin pergi ziarah ataupun buat apa nama ini tahlil arwah, sembahyang hajat dan sebagainya.
- NH : **Apakah peranan Masjid Ulul Albab dalam mempromosikan nilai-nilai Islam kepada masyarakat berumur dan awal muda?**
- TMI : Masyarakat berumur dan awal muda. Okey, masjid ini salah satu institusi kepada masyarakat untuk berkumpul dan menambah ilmu. Jadi, dalam ceramah-ceramah ataupun orang panggil apa tazkirah-tazkirah daripada penceramah yang kita jemput. Ada juga penceramah yang dia cenderung ataupun dia lebih orang kata *mende* [apa] *pro* [mahir] kepada sejarah-sejarah dan sebagainya. Jadi, itu memberi pendedahan ataupun pendidikan lah kepada masyarakat-masyarakat yang tua.
- TMI : Sampai soalan tak?

**TAMAT BAHAGIAN 7**

## BAHAGIAN 8: HARAPAN DAN CABARAN

- NH : **Sampai. Apakah harapan tuan terhadap peranan Masjid Ulul Albab dalam menjaga warisan seni bina tradisional Melayu-Islam?**
- TMI : Masjid Ulul Albab ini seperti mana yang kita sedia maklum dia telah *digazet* [diisytiharkan] ataupun diisytiharkan sebagai masjid pelancongan yang kalau tak silap saya ada 9 [sembilan] biji di Malaysia ini. Ada.
- NH : **Salah satunya Masjid Ulul Albab?**
- TMI : Ya, salah satunya Masjid Ulul Albab. Jadi apabila kita dilantik ataupun kita diberi 1 [satu] anugerah yang begitu hebat, masjid pelancongan. Jadi, peranan Masjid Ulul Albab ini sangat luas sebab pelancong-pelancong atau jemaah-jemaah yang hadir ke sini bukan daripada masyarakat sekitar sahaja. Dia datang daripada luar, dalam Malaysia luar Malaysia. Kadang-kadang ada yang bukan Islam. Dari situlah dia dapat mengambil begitu banyak orang kata apa pendidikan, rujukan, dan pengajaran lah daripada Masjid Ulul Albab ini. Sebab kemungkinan dia hadir itu contohlah biasanya kalau kita menerima tetamu ini yang kita apa yang kita biasa tengoklah, pagi jumaat melibatkan lawatan dan sebagainya. Jadi dia singgah untuk sembahyang subuh disini, jadi biasanya jemaah-jemaah ini dia berasal daripada jauh, daripada utara, selatan. Jadi, dia datang ini sambil-sambil melawat masjid ini Masjid Ulul Albab. Pada masa yang sama waktu itu kita ada kuliah subuh yang mana kuliah subuh ini biasanya kita jemput penceramah-penceramah bukan sahaja fokus kepada agama, dia juga fokus kepada ilmu-ilmu kehidupan. Sebab *background* [latar belakang] dia daripada doctor, YB [Yang Berhormat], dan sebagainyalah. Jadi, dari situ kitab oleh bagi macam-macam lah kepada masyarakat ataupun jemaah yang hadir.

- NH : **Okey. Apakah cadangan pihak pengurusan masjid apabila menerima kehadiran daripada golongan *non-muslim* [bukan Islam]?**
- TMI : Okey. Pada peringkat awal, kita agak kurang selesa apabila menerima jemaah ataupun kunjungan daripada pelancong-pelancong *non-muslim* [bukan Islam]. Tapi apabila perkara itu menjadi kebiasaan ataupun kita selalu menerima jemaah-jemaah ini, kita dapat menyantuni mereka dengan lebih baik dan kita dalam masa yang sama kita dilantik sebagai masjid pelancongan dan sebagainya. Kita dalam proses untuk menjadi lebih baik. Okey.
- NH : **Adakah tiada tentangan daripada kalangan masyarakat untuk menerima jemaah daripada *non-muslim* [bukan Islam]?**
- TMI : Sebahagian kecil masyarakat ada yang menentang cuma apabila diberi penjelasan yang sebaiknya mereka dapat memahamilah tujuan utama kenapa pelancong-pelancong asing atau pelancong *non-muslim* [bukan Islam] ini dia datang ke Masjid Ulul Albab untuk berkunjung dan mengambil apa-apa manfaat lah daripada masjid.
- NH : **Okey. Apakah harapan tuan mengenai peranan masjid dalam mempromo mempromosikan nilai-nilai Islam kepada pengunjung luar?**
- TMI : Okey. Seperti mana yang kita sedia maklum yang kita tahu. Seni bina Masjid Ulul Albab ini dia berasal daripada seni bina melayu. Apabila kita sebut seni bina melayu dia tak dapat lari daripada Islam, jadi golongan-golongan terdahulu mereka mempunyai senibina dan orang panggil apa jati diri yang sangat hebat. Jadi, apabila orang-orang *non-muslim* [bukan Islam] datang ke sini mereka dapat belajar mereka dapat melihat dengan secara langsung macam mana apa warisan-warisan seni bina warisan jati diri yang di apa diterapkan

dalam apa bangsa Melayu yang terdahululah. Cuma kalau kita nak tengok secara menyeluruh tu tak cukup lah di Masjid Ulul Albab.

- NH : **Okey. Seterusnya, adakah masjid membuat lawatan ke masjid luar negara untuk mengambil pengalaman?**
- TMI : Okey. Setakat yang dalam pengetahuan saya biasanya lawatan luar negara ini dia menelan kos yang tinggi. Jadi, lawatan ke luar negara hanya disertai oleh ahli jawatankuasa yang tertinggi contohnya penaung pengasas Datuk Sri Idris Yusuf sendiri yang mempunyai apa tahap kewangan yang stabil lah. Jadi untuk pegawai-pegawai masjid yang biasa-biasa ini kebiasaanya kita akan buat lawatan dalam Malaysia sahaja.
- NH : **Contohnya?**
- TMI : Contohnya ke Perlis, ke Johor, ke Negeri Sembilan
- NH : **Adakah terdapat apa itu pengalaman daripada masjid tersebut yang diimplikasikan kepada Masjid Ulul Albab?**
- TMI : Ya. Sebenarnya banyak apa orang panggil, dapatan yang kita ambil buat balik daripada masjid-masjid di luar selepas kita buat lawatan ataupun perjumpaan dengan jawatankuasa masjid tersebut apa yang kita rasa sesuai untuk di apa aplikasikan dan diamalkan di masjid kita ini, kita akan buatlah untuk kita dapat hasil yang optimum.
- NH : **Okey. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh masjid dalam memelihara seni bina kayu tradisional tanpa paku?**
- TMI : Okey. (berfikir) Kayu-kayu yang digunakan di Masjid Ulul Albab ini sebahagian besarnya daripada kayu cengal yang mana kita sedia maklum kayu cengal ini antara kayu yang paling tahan yang ada lah yang ada di Asia ini. Jadi, dari segi kos selenggara kita tak banyak

guna untuk selenggara kayu-kayu ini sebab memang dah sifat dia tahan cuma ada sebahagian kecil sahaja yang mana kawasan tersebut terdedah kepada hujan panas jadi berlaku kayu *repuk* [reput] dan sebagainya anai-anai. Disitulah kos yang kita perlu belanjakan, sedikit sahaja.

- NH : Okey. Bagaimana masjid mengatasi cabaran untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sosial di tengah kesibukan hidup moden?
- TMI : Okey. Seperti mana yang saya dah maklum tadi pada siang hari kebanyakan masyarakat kita ini dia terlibat dengan urusan-urusan rasmi baik dari segi remaja, baik dari segi kanak-kanak, baik dari segi orang tua. Mereka mempunyai urusan yang melibatkan urusan rasmi lah urusan kerjadian sebagainya. Jadi apabila waktu petang biasanya maghrib lah, maghrib dan isyak mereka akan datang ke masjid untuk sama-sama mengikuti kuliah-kuliah agama, sembahyang jemaah. Sebab disitu adanya nilai-nilai keagamaan maksudnya hidup kita ini kita kenapa apa seimbang. Kita kena fokus ke dunia, kena fokus *jugok* [juga] ke akhirat. Jadi, apabila kita siang hari banyak berhabiskan masa kita untuk urusan-urusan dunia, malam biasanya masyarakat akan datang ke masjid untuk seimbangkan kehidupan mereka. Sebab kehidupan yang tak seimbang ini dia akan melahirkan insan yang tak sihat dari segi emosi, dari segi jasmani rohani dan sebagainyalah,

## TAMAT BAHAGIAN 8

Dengan ini tamatlah sesi temubual mengenai pengalaman Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan dan Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat. Kami mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh mereka dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang senibina dan pengurusan masjid pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

## RUJUKAN

- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2024). Masjid. *Dewan Bahasa dan Pustaka*.  
<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=masjid>
- Discovery Terengganu. (2024). Masjid Ulul Albab. *Discovery Terengganu*.  
<https://www.discoveryterengganu.com/tempat/masjid-ulul-albab/>
- Haron Nadzan. (1979). Suatu pandangan awal terhadap sejarah lisan dalam konteks pengkajian sejarah Malaysia. *Jebat: Malaysia Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 9, 44-58.
- Ismail, Noor Hafiza, Hamdzun Haron Zuliskandar Raml, Salina Abdul Manan, and Azni Hanim Hamzah.. (2014). Motif ukiran kayu pada mimbar masjid Terengganu. In *Kerta kerja Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi Sejarah dan Budaya di Alam Melayu. Anjuran Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Bangi* (pp. 23-24).
- Masjid Ulul Albab. (2024). Masjid Ulul Albab – Seberang Jerteh. <https://masjidululbab.com/>
- Noraien Mansor, & Nor Aieni Haji Mokhtar. (2016). Masjid Ulul Albab. *Universiti Malaysia Terengganu*. file:///C:/Users/LENOVO/Downloads/16MasjidUlulAlbab.pdf
- Nurul Farhana Mohd Shokri. (2013). *Pengurusan Masjid Ulul Albab Seberang Jerteh, Besut, Terengganu*.
- Saad, Siti Roudhah Mohammad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar, and Noor Azlinda Wan Jan.. (2012). Penukilan ilmu baharu melalui sejarah lisan. *Jurnal PPM*, 6, 63-76.
- Safarway. (2021). Masjid Ulul Albab - ولاية ترينجانو : Working hours, Activities, Visitor reviews. Safarway. <https://safarway.com/en/property/masjid-ulul-albab>
- Shahrulnizam. (2015). Senibina tradisi melayu di masjid Ulul Albab, Jerteh. *Petai*. <https://www.petai.net/2015/11/masjid-ulul-albab-Jerteh.html>
- Wan Zulkifli Wan Yaacob. (2012). Keunikan Masjid Ulul Albab. *Al Masjid*. <https://almasjid.wordpress.com/2012/04/05/keunikan-masjid-ulul-albab/>

# **LAMPIRAN**

## LOG WAWANCARA

Wan Nursyafika Binti Wan Mohd Haris menemu bual Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan, yang dilahirkan pada 1959 di Kampung Pasir Akar, Besut Terengganu. Temubual dijalankan di perkarangan Masjid Ulul Albab, Seberang Jerteh, mengenai pengalaman beliau sebagai seorang Setiausaha dalam tahun 2007 hingga 2024. Seterusnya, Tuan Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat, yang dilahirkan pada 1991 di Setiu, Terengganu ditemu bual oleh Nurul Husna Binti Che Yahya. Temubual ini jalankan di perkarangan Masjid Ulul Albab, Seberang Jerteh, mengenai pengalaman beliau sepanjang menjalani tugas sebagai imam dari tahun 2017 hingga 2024.

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>SESI 1: TUAN HAJI ABDUL AZIZ</b>		
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN HAJI ABDUL AZIZ</b>		
00:42	Nama penuh dan asal usul	Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan dari Besut Terengganu
1:57	Umur	
2:02	Tarikh lahir	
2:11	Tempat kelahiran	Besut, Terengganu.
2:18	Tempat tinggal	Besut,
2:30	Berkeluarga	Sudah berkeluarga

2:40	Nama isteri	
2:45	Umur isteri	
2:54	Bilangan anak-anak	
3:13	Nama anak-anak	
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ</b>		
3:54	Pendidikan awal	SK Kampung La, SMK Nasiruddin Shah, SMK Seri Nering
4:22	Pengalaman dan pencapaian di Sekolah	Johan pidato daerah Besut, nombor 4 peringkat negeri Terengganu, nombor 2 dalam mentafsir Al-Quran di daerah Besut
4:57	Pelajaran lanjutan	Setakat Sijil Tinggi Persekolahan (STP)
<b>BAHAGIAN 3: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ</b>		
5:12	Pekerjaan	Kakitangan RISDA selama 37 tahun di beberapa daerah termasuk Machang, Kelantan
5:39	Tempat bekerja	RISDA, bahagian small holder kebun kecil getah
<b>BAHAGIAN 4: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ DI MASJID</b>		
6:06	Jawatan di Masjid Ulul Albab	Setiausaha Masjid sejak 2010

6:44	Tahun mula berkhidmat	2007 sebagai AJK biasa, dilantik sebagai setiausaha pada 2010
7:06	Pelantikan sebagai setiausaha	Ahli jawatankuasa Masjid Ulul Albab yang terdahulu.
7:51	Penglibatan di masjid	Bergabung tenaga dengan AJK lain untuk melibatkan masyarakat setempat dan NGO
8:55	Tugas utama sebagai setiausaha	Menjaga kebersihan, hubungan jemaah, dan kelancaran aktiviti masjid
10:05	Perubahan dan penambahbaikan yang telah dibuat	Melibatkan lebih banyak pihak, memastikan masjid harmoni, dan mengadakan keputusan kolektif dalam pentadbiran
<b>BAHAGIAN 5: PENTADBIRAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ</b>		
13:06	Langkah memastikan aktiviti lancar	Merangka program tahunan, jadual aktiviti, dan mesyuarat berkala dengan AJK
15:56	Pengurusan kewangan	Akaun diurus dengan penandatangan tiga pihak (pengerusi wajib)
23:26	Penyusunan jadual aktiviti	Berdasarkan keperluan semasa dan panduan pejabat agama
27:15	Pengemasan rekod	Surat menyurat disusun dengan teliti, balas surat dengan segera

28:58	Pengurusan surat-menyurat dan komunikasi rasmi	Mengutamakan ketepatan, ketelusan, dan kecepatan dalam menjawab surat serta memastikan rekod surat disusun rapi
31:38	Pengurusan aktiviti dan program	Libatkan NGO dan jabatan, adakan gotong-royong secara berkala
35:47	Kebersihan dan keteraturan masjid	Lantik biro-biro khusus seperti keceriaan dan kebersihan
43:09	Bilangan AJK	18 orang dilantik oleh pejabat agama, tambahan 4 orang dilantik oleh masjid

MASA	SUBJEK	NAMA/TEMPAT/RUJUKAN
<b>SESI 2: TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN</b>		
<b>BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN</b>		
47:37	Nama penuh dan asal usul	Muhammad Imanuddin Bin Mat Resat dari Setiu, Terengganu
49:01	Umur	
49:09	Tarikh lahir	
49:16	Tempat tinggal	
49:21	Berkeluarga	Sudah berkeluarga
49:25	Nama isteri	

49:32	Umur isteri	
49:36	Bilangan anak-anak	
49:40	Nama anak-anak	
<b>BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN</b>		
50:00	Pengalaman dan pencapaian di sekolah	Hafiz Al-Quran
50:57	Jawatan di masjid	Imam dan pegawai masjid
51:10	Berkhidmat	Mula berkhidmat daripada tahun 2017
51:18	Melantik sebagai imam	Jawatankuasa masjid
51:48	Penglibatan kerjaya sebagai imam	Diberi tugas untuk menjadi imam ganti, sebelum dilantik untuk menjadi imam sepenuh masa
52:20	Tugas utama sebagai imam	<i>Check and balance</i> pentadbiran masjid
<b>BAHAGIAN 3 : LATAR BELAKANG MASJID ULUL ALBAB</b>		
53:00	Nama sebenar	Berasal daripada Masjid Seberang Jerteh kemudian ditukarkan kepada Masjid Ulul Albab
53:49	Dikenali masjid tanpa paku	Dibuat tanpa menggunakan sebarang paku, sebaliknya menggunakan sistem tanggam
54:21	Bina dan siap sepenuhnya	Pembinaan bermula tahun 2008 dan siap sepenuhnya pada tahun 2012
54:38	Idea pembinaan masjid tanpa paku	Datuk Sri Idris Yusuf.

54:51	Arkitek utama	Wan Po
55:15	Jenis kayu	Cengal (80%), Seraya (15%), dan kayu-kayu lain (5%)
55:39	Sumber kayu	Wan Po
56:00	Tempoh pembinaan	4 tahun
56:06	Teknik pembinaan	Sistem tanggam
<b>BAHAGIAN 4 : KEUNIKAN MASJID ULUL ALBAB</b>		
57:09	Keunikan Masjid Ulul Albab	Seni bina kayu yang menggamit memori
57:45	Menarik perhatian pengunjung	Seni bina masjid
58:32	Pengekalan tradisi seni bina Melayu	Melakukan perbincangan kepada perkara yang boleh mengubah struktur masjid
59:42	Ketahanan dalam keadaan cuaca yang berbeza	Struktur masjid yang diperbuat daripada simen dan besi.
<b>BAHAGIAN 5 : PENGURUSAN MASJID ULUL ALBAB</b>		
60:00	Peranan imam	Ketua untuk urusan-urusan agama

60:30	Strategi menjana pendapatan	Masjid mempunyai koperasi dan bangunan sewaan
63:06	Perhubungan masjid dengan pihak berkuasa tempatan agama tempatan	Mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jawatankuasa keselamatan kampung (JKK)
64:09	Latihan untuk pentadbir dan staf	Lawatan ke masjid-masjid yang terbaik
66:00	Pengadaptasian teknologi dalam pengurusan	Masih kurang penggunaan teknologi
<b>BAHAGIAN 6 : PROGRAM DAN AKTIVITI MASJID ULUL ALBAB</b>		
66:44	Penyediaan aktiviti khusus untuk golongan belia	Mengadakan kelas mengaji pada hujung minggu untuk kanak-kanak dan kuliah maghrib pada setiap malam untuk golongan remaja
67:30	Penglibatan wanita dalam program keagamaan	Kelas mengaji pada pagi jumaat
68:48	Bencana	Masjid Ulul Albab merupakan Pusat Pemindahan Sementara (PPS) yang menempatkan 300 orang mangsa banjir
70:10	Program komuniti yang paling berjaya dianjurkan oleh masjid	Menjemput Dr Zakir Naik untuk memberikan ceramah
73:40	Isu sosial dalam kalangan masyarakat	Mendidik masyarakat dengan ilmu agama

75:15	Perkhidmatan khas untuk komuniti	Set lengkap untuk pengebumian dan kos untuk pengebumian ditanggung oleh masjid
<b>BAHAGIAN 7 : PENGURUSAN KEWANGAN DAN DANA MASID ULUL ALBAB</b>		
79:00	Dana diurus untuk aktiviti-aktiviti komuniti	Dana disalurkan kepada orang fakir miskin, susah, dan orang-orang yang ditimpa bencana
<b>BAHAGIAN 8 : HARAPAN DAN CABARAN</b>		
85:50	Reaksi golongan masjid dan Masyarakat setempat apabila menerima kunjungan daripada golongan <i>non-muslim</i>	Pada peringkat awal masyarakat sekitar tidak dapat menerima dengan kehadiran golongan non-muslim namun apabila diberi pendedahan dan nasihat, mereka mula dapat menerimanya dengan hati yang terbuka
88:44	Cabarannya utama memelihara masjid tradisional kayu tanpa paku	Kos selenggara berlaku apabila kayu sudah repuk dan terdapat serangan anai-anai pada kayu.

## DIARI KAJIAN

<b>NO</b>	<b>TARIKH &amp; MASA</b>	<b>PERKARA</b>	<b>TINDAKAN</b>
1	6/10/2024 (8.00 pagi- 10.00 pagi)	Perbincangan	Pensyarah memaklumkan mengenai tugas yang harus dilakukan. Pensyarah memaklumkan bahawa pelajar perlu mencari tokoh untuk ditemu bual dan menyediakan soalan temubual dan memaklumkan mengenai perkara yang harus dilakukan selepas temubual dijalankan.
2	12/10/2024 (8.00 pagi- 10.00 pagi)	Pencarian tokoh	Pensyarah memberi beberapa senarai tokoh yang sesuai untuk ditemubual.
3	21/10/2024 (3.00 petang- 5.30 petang)	Menghubungi tokoh	Mula menghubungi tokoh pertama iaitu Tuan Haji Abdul Aziz untuk memaklumkan tugas yang harus dijalankan oleh kami.
4	23/10/2024 (2.00 petang- 6.00 petang)	Kajian mengenai tokoh	Mula melakukan kajian mengenai tokoh yang akan di temubual.
5	27/10/2024 (8.00 pagi- 10.00 pagi)	Penyediaan soalan	Pensyarah memberi penerangan mengenai jenis soalan yang sesuai ditanya ketika sesi temubual dilakukan.

6	10/11/2024 (8.10 pagi- 8.30 pagi)	Berjumpa dengan pensyarah	Berjumpa dengan pensyarah untuk menyemak soalan yang telah dilakukan.
7	26/11/2024 (5.50 petang)	Menghubungi tokoh	Mula menghubungi tokoh kedua iaitu Tuan Muhammad Imanuddin untuk memaklumkan tugas yang harus dijalankan oleh kami.
8	9/12/2024 (6.00 petang)	Panggilan telefon	Menghubungi Tuan Haji Abdul Aziz untuk mengesahkan tarikh dan tempat untuk di temubual.
9	10/12/2024 (10.00 pagi)	Surat kebenaran	Menyediakan surat kebenaran dari pihak UiTM untuk menjalankan temubual.
10	11/12/2024 (10.00 pagi- 12.00 tengah hari)	Sesi temubual berlangsung di Kawasan Masjid Ulul Albab	Melakukan sesi temubual bersama Tuan Haji Abdul Aziz.
11	14/12/2024 (12.15 tengah hari)	Panggilan telefon	Menghubungi Tuan Muhammad Imanuddin untuk mengesahkan tarikh dan tempat untuk di temubual.
12	15/12/2024 (5.00 petang- 7.00 petang)	Sesi temubual berlangsung di	Melakukan sesi temubual bersama Tuan Muhammad Imanuddin.

		Kawasan Masjid Ulul Albab	
13	25/12/2024 (10.30 pagi)	Penyediaan transkrip tokoh pertama	Menulis transkrip temubual bersama Tuan Muhammad Imanuddin.
14	6/1/2025 (11.00 pagi)	Penyediaan transkrip tokoh kedua	Menulis transkrip temubual bersama Tuan Haji Abdul Aziz.
15	12/1/2025 (1.00 petang)	Menghubungi pensyarah	Menghubungi pensyarah melalui Whatsapp untuk bertanyakan mengenai proses transkripsi.
16	15/1/2025 (8.00 malam)	Semakan kali terakhir	Membuat semakan transkrip untuk kali terakhir.
17	16/1/2025 (11.00 malam)	Penghantaran transkrip	Menghantar transkrip untuk semakan oleh pensyarah

## **SENARAI SOALAN**

### **SESI 1: TEMUBUAL BERSAMA TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

#### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
1.	Boleh ceritakan sedikit tentang diri, seperti nama penuh dan asal usul?
2.	Berapakah umur Tuan?
3.	Bila tarikh lahir Tuan?
4.	Di manakah tempat kelahiran Tuan?
5.	Dimanakah tempat tinggal Tuan?
6.	Adakah Tuan sudah berkeluarga?
7.	Apakah nama isteri Tuan?
8.	Berapa umur isteri Tuan?
9.	Berapa orang anak Tuan?
10.	Apakah nama anak-anak Tuan?

#### **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
11.	Di manakah Tuan memulakan pendidikan awal, seperti di sekolah rendah?
12.	Bolehkah Tuan ceritakan pengalaman atau pencapaian istimewa Tuan semasa sekolah menengah?
13.	Dimanakah Tuan melanjutkan pengajian di peringkat universiti?

#### **BAHAGIAN 3: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
14.	Apakah pekerjaan Tuan?
15.	Dimanakah Tuan bekerja?

#### **BAHAGIAN 4: KEJAYAAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ DI MASJID**

No.	Soalan
16.	Apakah jawatan Tuan di Masjid Ulul Albab?
17.	Bilakah Tuan mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab?
18.	Siapakah yang melantik Tuan sebagai setiausaha?
19.	Bagaimanakah Tuan mula terlibat dengan kerjaya di Masjid Ulul Albab?
20.	Apakah tugas utama Tuan sebagai Setiausaha Masjid Ulul Albab?
21.	Apakah perubahan atau penambahbaikan yang telah Tuan laksanakan sejak mula berkhidmat?

#### **BAHAGIAN 5: PENTADBIRAN TUAN HAJI ABDUL AZIZ**

No.	Soalan
22.	Bagaimanakah Tuan memastikan semua aktiviti masjid berjalan lancar?
23.	Bagaimanakah Tuan menguruskan kewangan masjid?
24.	Bagaimanakah Tuan menyusun jadual aktiviti di masjid?
25.	Apakah yang Tuan lakukan untuk memastikan rekod masjid teratur dan dikemas kini?
26.	Bagaimanakah Tuan menguruskan surat-menyurat dan komunikasi rasmi masjid?
27.	Bagaimanakah Tuan menguruskan aktiviti dan program di masjid?
28.	Apakah yang Tuan lakukan untuk memastikan masjid sentiasa bersih dan teratur?
29.	Berapa ramai ahli jawatankuasa yang Tuan bekerjasama dalam pentadbiran masjid?

#### **SESI 2: TEMUBUAL BERSAMA TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

##### **BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

No.	Soalan
30.	Boleh ceritakan sedikit tentang diri, seperti nama penuh dan asal usul?
31.	Berapakah umur Tuan?
32.	Bila tarikh lahir Tuan?
33.	Dimanakah tempat tinggal Tuan sekarang?
34.	Adakah Tuan sudah berkeluarga?

35. Apakah nama isteri Tuan?
36. Berapa umur isteri Tuan?
37. Berapakah orang anak Tuan?
38. Apakah nama anak-anak Tuan?
39. Berapakah umur dan nama anak-anak tuan?

## **BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN TUAN MUHAMMAD IMANUDDIN**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
40.	Bolehkah tuan ceritakan pengalaman atau pencapaian istimewa tuan semasa sekolah menengah?
41.	Apakah jawatan tuan di Masjid Ulul Albab?
42.	Bilakah tuan mula berkhidmat dengan Masjid Ulul Albab?
43.	Siapakah yang melantik tuan sebagai imam?
44.	Bagaimanakah tuan mula terlibat dengan kerjaya di Masjid Ulul Albab?
45.	Apakah tugas utama tuan sebagai imam muda Masjid Ulul Albab?

## **BAHAGIAN 3: LATAR BELAKANG MASJID ULUL ALBAB**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
46.	Apakah nama sebenar Masjid Ulul Albab?
47.	Kenapa masjid ini dikenali sebagai masjid tanpa paku?
48.	Bila masjid ini mula dibina dan siap sepenuhnya?
49.	Siapakah yang mencetuskan idea pembinaan masjid tanpa paku?
50.	Siapakah arkitek utama yang mereka bentuk Masjid Ulul Albab?
51.	Apakah jenis kayu yang digunakan untuk pembinaan masjid?
52.	Dari mana sumber kayu diperolehi?
53.	Berapakah lama tempoh pembinaan masjid?
54.	Apakah teknik pembinaan tanpa paku yang digunakan?
55.	Adakah teknik pembinaan ini diinspirasi dari mana-mana budaya?
56.	Bagaimana keselamatan masjid ini dijamin tanpa penggunaan paku?
57.	Berapakah kos keseluruhan pembinaan masjid?

## **BAHAGIAN 4: KEUNIKAN MASJID ULUL ALBAB**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
58.	Bagaimana keunikan masjid ini mempengaruhi pandangan jemaah?
59.	Bagaimana masjid ini menarik perhatian pengunjung kerana keunikan tanpa paku?
60.	Bagaimana masjid ini mengekalkan tradisi seni bina Melayu?
61.	Bagaimana masjid ini berjaya bertahan dalam keadaan cuaca yang berbeza?

## **BAHAGIAN 5: PENGURUSAN MASJID ULUL ALBAB**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
62.	Apakah peranan imam dalam pentadbiran masjid?
63.	Apakah strategi masjid dalam menjana pendapatan untuk operasi sehari?
64.	Bagaimana masjid ini mengendalikan sumbangan daripada masyarakat?
65.	Apakah cabaran utama dalam pengurusan masjid?
66.	Bagaimana masjid ini berhubung dengan pihak berkuasa agama tempatan?
67.	Apakah terdapat rancangan untuk memperluaskan atau menambah baik masjid ini?
68.	Bagaimana masjid ini menyediakan latihan untuk pentadbir dan staf?
69.	Bagaimana pentadbiran masjid memastikan keterbukaan kepada semua lapisan masyarakat?
70.	Bagaimana masjid ini mengadaptasi teknologi dalam pengurusan?

## **BAHAGIAN 6: PROGRAM DAN AKTIVITI MASJID ULUL ALBAB**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
71.	Adakah Masjid Ulul Albab menyediakan aktiviti khusus untuk golongan belia?
72.	Bagaimana Masjid Ulul Albab melibatkan wanita dalam program keagamaan?
73.	Adakah terdapat aktiviti sukan atau rekreasi untuk komuniti yang dianjurkan oleh masjid?
74.	Bagaimana Masjid Ulul Albab menyokong masyarakat dalam menghadapi bencana seperti banjir atau pandemik?
75.	Apakah peranan masjid dalam menyemarakkan aktiviti seperti program kesihatan?
76.	Apakah program komuniti yang paling berjaya dianjurkan di masjid ini?

77. Bagaimana masjid ini membantu golongan yang memerlukan?
78. Bagaimana masjid mendidik generasi muda tentang Islam?
79. Apakah inisiatif masjid ini dalam menyatukan komuniti pelbagai latar belakang?
80. Bagaimana masjid ini menghadapi isu sosial di kalangan masyarakat?
81. Apakah peranan masjid dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian dalam masyarakat?
82. Adakah terdapat perkhidmatan khas yang disediakan oleh masjid untuk komuniti?
83. Adakah masjid juga menyediakan van jenazah?
84. Bagaimana untuk menghubungi masjid kalau berlaku kematian?

## **BAHAGIAN 7: PENGURUSAN KEWANGAN DAN DANA MASJID ULUL ALBAB**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
85.	Adakah masjid ini menerima bantuan kewangan daripada kerajaan atau pihak berkuasa agama?
86.	Apakah cara untuk memastikan semua perbelanjaan didokumenkan dengan baik?
87.	Apakah usaha masjid untuk menarik lebih ramai penderma?
88.	Adakah terdapat <i>transfer online</i> [pembayaran atas talian] untuk menderma?
89.	Bagaimana dana diurus untuk aktiviti-aktiviti komuniti?
90.	Bagaimana masjid ini menyimpan dana untuk projek masa depan seperti pengubahsuaian tambahan?
91.	Apakah sumbangan utama Masjid Ulul Albab dalam pemeliharaan seni bina tradisional?
92.	Apakah sumbangan Masjid Ulul Albab dalam kegiatan sosial di komuniti setempat?
93.	Apakah peranan Masjid Ulul Albab dalam mempromosikan nilai-nilai Islam kepada masyarakat berumur dan awal muda?

## **BAHAGIAN 8: HARAPAN DAN CABARAN**

<b>No.</b>	<b>Soalan</b>
94.	Apakah harapan tuan terhadap peranan Masjid Ulul Albab dalam menjaga warisan seni bina tradisional Melayu-Islam?

95. Apakah cadangan pihak pengurusan masjid apabila menerima kehadiran daripada golongan *non-muslim*?
96. Adakah tiada tentangan daripada kalangan masyarakat untuk menerima jemaah daripada *non-muslim* [bukan Islam]?
97. Apakah harapan tuan mengenai peranan masjid dalam mempromo mempromosikan nilai-nilai Islam kepada pengunjung luar?
98. Adakah masjid membuat lawatan ke masjid luar negara untuk mengambil pengalaman?
99. Adakah terdapat pengalaman daripada masjid tersebut yang diimplikasikan kepada Masjid Ulul Albab?
100. Apakah cabaran utama yang dihadapi oleh masjid dalam memelihara seni bina kayu tradisional tanpa paku?
101. Bagaimana masjid mengatasi cabaran untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti sosial di tengah kesibukan hidup moden?

## **INDEKS**

### **A**

Amanah 22, 27, 31, 38  
Akaun 26, 34, 62, 75  
Anugerah 40, 41, 66

### **B**

Berubah 23, 29, 46, 64  
Belia 44, 56  
Bendahari 24, 26, 27, 53, 62

### **C**

Cengal 49, 68, 78

### **D**

Dulu 20, 21, 23, 25, 26, 29, 31, 33, 35, 38

### **E**

Ekonomi 37, 38

### **F**

Forum 25, 33, 35

### **G**

Golongan 58,59, 67, 79, 87, 88, 89  
Guru 25, 32

### **H**

Hubungan 22, 23, 32, 35, 54, 75, 79

### **I**

Ijab Kabul 39  
Insuran 31

### **J**

Jabatan 22, 28, 29, 31, 32, 33, 34, 76  
Jadual 25, 30, 31, 75, 83

### **K**

Kewangan 26, 53, 62, 64, 68, 80, 85, 88  
Kunjungan 29, 51, 67

### **L**

Lampu 28, 39

### **M**

Mesyuarat 21, 30, 42, 43, 47, 52, 53, 54, 62, 75

### **N**

Nasional 23, 31

### **O**

Optimum 52, 68

### **P**

Pakatan 24  
Persekitaran 23  
Pegawai 42, 46,53, 62, 68, 77  
Pidato 19, 74

## **Q**

*QR Code* 38

## **R**

Rekod 32, 36, 37, 39, 42, 51, 53, 62, 75, 76, 85

## **S**

Seraya 49, 78

Sistem Tanggam 6, 48, 50, 77, 78

Struktur 50, 52, 78

## **T**

Tabung 31, 36, 53

Tuntutan 30, 39

## **U**

Unik 6, 14, 51, 53

## **V**

*Venture* 28, 31, 32, 33

Viral 59

## **W**

Waktu 21, 23, 46, 58, 66, 69

## **Y**

Yang Berhormat 52, 54, 66

## **Z**

Ziarah 61, 65